

**ISTILAH SENIBINA MELAYU:
SUBBIDANG RUMAH MELAYU**

FILE No. FAIL No.	NAME/NAMA OR/ATAU SUBJECT/MATAPELAJARAN
ADDRESS/ALAMAT	DATE/TARIKH From _____ 19 To _____ 19 Kepada _____ 19

N.A. HALIM
Karyawan Tamu. IBKKM, UKM. 20.6.90

0029



FOLDER FILE
No. 202

Dibuat di Malaysia
cm x 533 cm (260 gms)

D4

Y
00031/1

HAL

ISTILAH SENIBINA MELAYU
SUBBIDANG: RUMAH MELAYU

1. Adang-adang
2. Alas dinding
3. Alas tupang
4. Alur hujan
5. Ambang pintu
6. Ambang luar
7. Anak tangga
8. Anak tangga tirus
9. Anjung belakang
10. Anjung Depan
11. Anjung tiba
12. Anjung tiang lapan
13. Atap
14. Atap jerami
15. Atap sink
16. awan Larat
17. Banir dinding
18. Bar
19. Bar lintang
20. Bar Gerbang
21. Bar tingkap kaca
22. Bar Belebas
23. BENTUK wajik
24. Belira
25. Beranda
25. Bilah kayu

Selak pd. Ilis
Pd. 26/5/88

26. Bilik makan
27. Bilik tamu
28. Bilik air
29. Bilik Tidur
30. Bingkai
31. Bingkai tingkap
32. Bingkai pintu
33. Blok
34. Blok konkrit
35. BLOK lapik jenang
36. Blok alas ting^a
37. Bumbung
38. Bumbung curam
39. Bumbung cerun
40. Bumbung dua
31. Bumbung lipat kajang
32. Bumbung dua pampang
33. Bumbung limas
34. Bumbung panjang
35. Bumbung pyramid
36. Bumbung payung
37. Bumbung berlapis
38. BUMBUNG pisang sesikat
39. Bumbung sepampang
40. Bumbung tak bersilang
41. Bumbung kawah terlungkup
42. Bumbung som pecah empat

43. Bumbung Selam

72. Gelegar para buang
73. Gelegarloteng
74. Genting tanah liat
75. Gulung-gulung ibu
76. Gulung -gulung anak
77. Gulung -gulung rumah ibu
78. GULUNG -Gulung rumah dapur
79. Gulung-gulung Serambi
80. Gulung-gulung rumah tengah
81. Gerudi
82. Gergaji Alang Besar
83. Gergaji alang Kecil
84. Gergaji tangan
85. Gergaji Belah
86. Gergaji bunga
87. Halaman rumah
88. Halaman depan rumah
89. halaman belakang rumah
90. halaman tepi rumah
91. Hujung alang
92. Hujung Rumah
93. Hujung tanah
94. Hujung bendul
95. Ibu tangga
96. Istana Raja Melayu
97. Balai penghadapan
98. Balai mengadap
99. Petarana

- I00. Singgahsana
- I01. Rumah kelong
- I02. Pintu kom
- I03. Jantung kepala tangga
- I04. Jala-jala
- I05. Jejak tangga
- I056
- I06. Jenang berhias
- I07. Jerejak
- I08. Jendela
- I09. Jemba tangga
- II0. Jubin
- III. Julur ambang
- II2. Junjung tiang
- II3. Kajang
- II4. Kaki langit
- II5. Kekuda bumbung
- II6. Kekuda gunting
- II7. Kekuda induk
- II8. Kekuda tunjuk langit
- II9. Kemuncak bumbung
- I20. Kepala tangga
- I21. Kerangka bumbung
- I22. Kerawang
- I23. Kerawang jenang
- I24. Ketaman kumai

terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan tadi.

Kalau diteliti ukiran-ukiran yang dihasilkan oleh pengukir-pengukir Melayu zaman silam seperti yang terdapat pada batu-batu, bahan-bahan logam dan kayu, akan timbul kesedaran tentang betapa pengukir-pengukir Melayu dahulu mempunyai falsafah dan objektif tertentu pada setiap karya mereka. Mereka mengukir bukan semata-mata untuk menghasilkan sesuatu karya yang cantik tetapi yang lebih penting lagi untuk ~~pernyataan~~ ^{penghayatan} memperlihatkan mereka terhadap setiap seni budaya warisan bangsa Melayu itu. Mereka mempunyai daya kreatif yang sungguh tinggi dalam memahami alam persekitaran ciptaan Tuhan yang Maha Agung.

Setiap pencinta seni yang dapat menyelami nilai seni yang tersembunyi di sebalik ukiran-ukiran tradisional Melayu ini bukan sahaja dapat menikmati keindahannya, bahkan akan dapat juga memahami hati nurani, corak pemikiran dan falsafah hidup orang-orang Melayu yang kaya dengan budi bahasa dan sopan santun.

Hakikat ini dapat memberikan pengertian kepada kita bahawa sungguhpun media ukiran hanya merupakan satu cebisan daripada keseluruhan gagasan kebudayaan Melayu, tetapi pada satu ketika dahulu ianya begitu dititikberatkan dan meluas sekali penggunaannya. Ini merupakan satu cabaran yang seharusnya disedari dan diterima

oleh pengukir-pengukir moden yang serakin mendapat tempat di hati masyarakat.

Muzium Negara memang mempunyai himpunan koleksi pelbagai jenis ukiran tradisional Melayu yang kebanyakannya daripada bahan kayu, tetapi sehingga kini penyelidikan secara terperinci belum dapat diadakan apatah lagi untuk maksud penerbitan. Galakan dan bantuan sering diberikan kepada penyelidik-penyelidik luar tetapi hasilnya tidaklah begitu menggalakkan, ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara yang sukar diatasi.

Penelitian dan usaha-usaha untuk menerbitkan buku mengenai bidang ini memanglah sukar tetapi ianya tidak seharusnya diabaikan hingga terbiar begitu sahaja sehingga tidak dapat difahami atau dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Saya bersyukur dan berbangga kerana saudara Abdul Halim Masir, seorang kakitangan jabatan ini, telah berani tampil ke hadapan dengan karyanya yang terbaharu ini. Usaha beliau ini diharap akan menjadi pembuka jalan kepada penulis-penulis dan peminat-peminat kebudayaan Melayu untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi aspek ini. Saudara Abdul Halim bukan orang baru dalam bidang penulisan sejarah dan kebudayaan tempatan. Beliau telah banyak menghasilkan karya-karya bermutu dalam bentuk rencana dan buku

dan sebuah karya beliau berjudul "Masjid-masjid Di Semenanjung Malaysia" telah memenangi hadiah pertama kat^egori Buku Umum Dewasa dalam pertandingan buku dalam bahasa Malaysia 1985 yang dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan.

11/13
Tugas beliau di Jabatan ini bukanlah sebagai seorang penulis tetapi minat, kesungguhan, pengalaman yang luas tentang warisan bangsa Melayu, kebolehan dalam bidang fotografi dan rekabentuk serta dorongan yang sentiasa diberikan kepada beliau oleh rakan-rakan seperjuangan telah memberikan beliau satu kekuatan untuk menulis dalam lapangan yang berfaedah ini.

Apa yang beliau sajikan dalam buku ini merupakan satu pengenalan umum yang boleh diperluaskan lagi skop kajiannya. Saya harap beliau akan terus berusaha untuk membuat kajian lanjut dalam bidang ini demi kepentingan nusa dan bangsa. Akhir sekali saya mengucapkan syabas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana telah turut bekerjasama untuk menjayakan penerbitan buku ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Shahrin Yub,
Ketua Pengarah,
Jabatan Muzium Malaysia.

PRAKATA

Baskerville.

All Caps 14 pts.

Lima belas tahun lalu ketika saya menjalankan kajian dan penyelidikan tentang tempat-tempat bersejarah kerana menerbitkan siri buku tempat-tempat bersejarah di negeri-negeri dalam Malaysia, saya telah berpeluang melawat ke seluruh pelusuk tanahair. Peluang Bengaluru tersebut telah membolehkan ~~memberi peluang kepada~~ saya melihat dengan lebih jelas ~~tentang~~ rumah-rumah ~~yang diduduki oleh~~ orang-orang Melayu, terutama sekali rumah-rumah di perkampungan yang alam persekitarannya masih belum banyak terjejas oleh arus pembangunan.

11/15
 Apa yang menarik perhatian dan minat saya tentang seni bina rumah-rumah Melayu terutama rumah bentuk tradisional, yang kebanyakannya sudah berusia tua ialah seni ukirannya. Saya dapati rumah-rumah Melayu terutamanya yang berusia tua, sering terbiar dengan ukiran-ukiran yang sangat menarik dan tinggi mutu kerjayanya. Mutu ukiran-ukiran yang dihasilkan oleh pengukir-pengukir Melayu itu tiada tolok bandingnya dengan ukiran-ukiran oleh pengukir-pengukir dewasa ini.

Masa akan menentukan betapa setiap yang tua dan lama akan beredar serta dilupakan. Begitu jugalah dengan seni ukiran kayu tradisional yang terdapat pada rumah-rumah tradisional Melayu yang kebanyakannya telah berusia tua itu. Sebahagian besar daripada seni ukiran yang menarik dan unik ini telah musnah atau terbiar

tanpa diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh itu jika sesuatu usaha tidak diambil untuk memeliharanya satu lagi bentuk kesenian orang-orang Melayu akan hilang tanpa kuburnya.

Maka atas ~~satu~~ kesedaran dan tanggungjawab itulah saya menghasilkan buku ini bagi memperingatkan ~~semua~~ ^{semula} bahawa seni ukiran kayu tradisional Melayu perlu dipelihara dan diperkembangkan. Sekurang-kurangnya buku ini akan dapat menimbulkan kesedaran, memberikan contoh serta dorongan bagi kita untuk menghidupkan semula satu bentuk seni yang kehalusan dan ketinggian mutunya begitu dikagumi oleh pelancong-pelancong asing.

Buku ini juga akan dapat memberi manfaat kepada pencipta-pencipta seni bina. ^e Contoh ukiran-ukiran yang terdapat di dalamnya boleh diterapkan ke dalam seni bina sekarang bagi menghidupkan semula satu bentuk seni bina yang benar-benar melambangkan satu identiti seni bina kebangsaan yang tulen di negara kita ini.

Seperti mana yang telah saya rancangkan, buku ini hanya merupakan satu tinjauan ringkas mengenai seni ukiran kayu tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia. Oleh itu ada beberapa perkara lagi berhubung dengan seni ukiran kayu yang tidak dibincangkan, seperti yang melibatkan adat kepercayaan, tukang ukir, teknik pengukiran, alat pengukiran, jenis-jenis kayu, proses pengawetan

dan sebagainya. Insya Allah saya akan menulis mengenai aspek-aspek ini dalam siri buku yang lain.

11/13
Saya sengaja memuatkan sebegitu banyak gambar di dalam buku ini untuk memberikan penjelasan yang cukup baik mengenai bentuk-bentuk ukiran yang terdapat di negara kita ini.

Moga-moga buku ini dapat memberi panduan dan manfaat kepada semua golongan pembaca yang cintakan warisan seni ukiran kayu tradisional Melayu.

A. Halim Nasir

Bostonville

PENGHARGAAN

14 poin ALGps

Mula-mula saya ingin merakamkan penghargaan saya yang tidak terhingga kepada Datuk Shahrul bin Yub, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan Tuan Haji Mohd. Zulkefli bin Haji Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah, kerana telah banyak membantu dan memberi galakan kepada saya untuk menulis buku ini. Tanpa dorongan dan galakan daripada Yang Bahagia Datuk Shahrul dan Timbalan Ketua Pengarah saya kira sudah pasti buku yang kecil ini tidak akan dapat saya hasilkan.

1/12
Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Kamarul Bahrin bin Buyong, Pengarah Antiquiti, Jabatan Muzium Malaysia yang telah memberi beberapa nota berkaitan dengan sejarah bangunan-bangunan lama yang berukir. Encik Mohd. Redzuan Tamin, Kurator Penyelidikan dan Sejarah, dan Encik Mohd. Kasim bin Hj. Ali, ~~Kurator Penyelidikan dan Sejarah dan Encik Mohd. Kasim bin Hj. Ali~~, Kurator Ethnologi dan Dr. عثمان Mohd. Yatim, kesemuanya dari Muzium Negara, telah juga memberi beberapa sumbangan dan saya mengucapkan terima kasih. Saya berterima kasih juga kepada Tuan Syed Omar bin Syed Ahmad dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah memberi perhatian yang teliti dan juga menyunting buku ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Ismail Ahmad, Tuan Haji Jajuli dan pereka bentuk Dewan Bahasa dan Pustaka kerana turut memberi sumbangan

bagi menjayakan penerbitan buku ini.

Saya juga amat terhutang budi dan berterima kasih kepada tuan-tuan rumah yang saya lawati di seluruh Malaysia pada masa saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali saya berterima kasih kepada isteri saya Zainah Hj. Musa yang bersifat sebar dan memahami corak hidup saya dan memberikan saya ketenangan fikiran dalam menyiapkan buku ini.

Abdul Halim Masir

BAB 1 (24 poin)

~~SENI UKIRAN TRADISIONAL MELAYU~~
~~Perkembangan dan Pengaruhnya~~

Pengenalan

(bold)

All Caps 10 poin
Beskrivelse

Di Semenanjung Malaysia seni ukiran tidak dapat dipisahkan ^{daripada} ~~dengan~~ seni rupa kerana ia merupakan satu bentuk seni dalam bidang yang sama. Bidang ini pula tidak dapat dipisahkan ^{... pada} ~~dengan~~ kebudayaan Melayu yang berterusan sepanjang zaman. Jika disorot kembali masa-masa yang lampau dengan mengambil titik permulaan ~~daripada~~ peralihan zaman pra ⁽sejarah ke era zaman sejarah, terdapat satu zaman yang penuh mencabar bagi bangsa Melayu, iaitu zaman yang digelar Zaman Kebudayaan Batu Hidup atau Megalik. Pada zaman itu manusia Melayu/megalitik telah mula mendirikan tugu-tugu batu yang mempunyai nilai-nilai spiritual ~~yang~~ yang berhubung dengan kepercayaan yang berbentuk animisme dan pemujaan lelor yang mereka anuti ketika itu.

Zaman yang telah ditinggalkan beribu-ribu tahun lampau itu masih mampu memperlihatkan kesan-kesan peninggalan monumen kepada generasi pada masa ini. Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa mereka juga sudah menghayati apa yang dikatakan seni ukiran dan seni rupa, walaupun mereka sendiri mungkin tidak pernah terfikir atau menerima pelajaran ilmu yang berhubung dengan estetik dan artistik iaitu ilmu yang mengutamakan keindahan dan penciptaan keindahan baik dari sudut falsafah sosial mahupun dari sudut sosio-budaya.

Seni Ukiran Batu

Bold. 4/12

Di kompleks sejarah Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan, yang terletak kira-kira 30 km. ke tenggara bandar Seremban, terdapat tugu-tugu batu megalik yang berbagai-bagai bentuk, ada yang berbentuk ^h megalitik seperti pedang, dayung, sudu, bentuk seperti binatang kura-kura dan lain-lain ~~bentuk~~ lagi. Pada batu yang berbentuk seperti pedang itu terdapat ukiran-ukiran yang dipahat timbul menggambarkan ~~seses~~ haiwan-haiwan yang menyerupai ular atau naga. Pada batu ^{megalitik} megalik yang disebut 'Batu Kemudi' itu pula terukir bentuk yang ^{beberapa ekor} menyerupai ~~seses~~ haiwan ^{seperti} anak rusa atau kijang.

Contoh-contoh yang terukir pada batu ^{megalitik} megalik di Kompleks Sejarah ^{6 ps} Pengkalan Kempas ^{mem kan} Sungai Udang itu adalah sebagai satu bukti bahawa nenek moyang orang-orang Melayu pada zaman sebelum tercipta tulisan, ~~telah memperlihatkan bahawa mereka juga~~ merupakan pencipta ukiran yang mempunyai kebolehan dan menghayati seniukiran. /#

Persejarahan mengenai seni rupa yang menjadi induk kepada lain-lain bentuk seni, akan mengingatkan kita kepada beberapa peninggalan sejarah purba di Gua Tambun dekat Ipoh, Perak. Di salah sebuah batu kukup (rock shelter) yang condong ke arah luar itu masih terdapat lakaran-lakaran lukisan yang merupakan hasil karya manusia di zaman kuno. ^{Tidak dapat dibuktikan} Sama ada mereka itu nenek moyang kita atau tidak, namun ^{demikian} lakaran itu membuktikan kepada generasi masa kini yang mereka juga sudah ^{ber} minat ^{terhadap} dan ^{perenca} bidang tersebut ^{dan meneroka} bidang seni lebih awal daripada yang kita sangkakan.

Peninggalan warisan yang sedemikian itu merupakan karya seni yang tidak ternilai dan menjadi khazanah negara yang terpenting.

Menerusi ~~artifak-artifak~~ sama ada ^{yang ditemui secara} ~~terjuma~~ dengan tidak sengaja atau secara penggalian oleh ^{ahli-ahli} arkeologi di tempat-tempat tertentu seperti di muka-muka gua, tanah-tanah lapang, di pinggir sungai, kita dapat mengesan hasil-hasil kemahiran kerjaya mereka dalam mencipta seni ukiran bagi menghias ^{- alat} alat keperluan seperti tembikar-tembikar yang dibuat daripada tanah untuk keperluan memasak atau alat-alat yang ^{digunakan dalam} berifat ~~spiritual~~.
^{amalan-amalan yang bersifat rohani}
 Gambar 1, 2, 3, 3A, B, C, D, E, F, G, H, I, J, K, L, M, N, O, P, Q, R, S, T, U, V, W, X, Y, Z

(Gambar: Gendang Dong Song)

* Di Semenanjung Tanah Melayu penggunaan bahan-bahan logam dalam keperluan hidup manusia di zaman purba juga merupakan satu perkara yang sangat menarik. Ada jumpaan alat-alat logam yang dihasilkan melalui acuan yang telah direkabentuk dengan berbagai-bagai bentuk tersendiri. Gendang Dong Song yang mewakili zaman logam ^{di Malaysia} dijumpai di Sungai Lang, Selangor, memperlihatkan corak-corak ukiran yang sangat menarik. Kita sendiri masih kurang jelas apakah motifnya yang sebenar, adakah logam itu hanya merupakan suatu hiasan ⁿ sahaja atau ada hubungannya dengan nilai-nilai spiritual.

Agama Islam ^{sampai} ~~datang~~ ke Semenanjung Tanah Melayu pada saat-

saat kejatuhan kerajaan Melayu. ^{dan} ~~Agama~~ itu dengan mudahnya telah di-
terima oleh masyarakat Melayu. ^{Terdapat beberapa teori yang dikemukakan,}
^{oleh para sarjana} ~~Para sarjana~~ pula telah mengemukakan
~~beberapa teori~~ tentang tarikh dan cara kedatangan Islam itu ke

Semenanjung Tanah Melayu. Namun demikian berdasarkan fakta-fakta
sejarah, agama Islam ~~itu~~ telah kukuh dalam cara hidup orang-orang Melayu
pada abad ^{ke} ~~ke~~ tiga belas dan abad ^{ke} ~~ke~~ empat belas.

Kesan-kesan awal mengenai kedatangan agama Islam ke Semenanjung
Tanah Melayu

Malaysia yang dapat dipegang sebagai bukti ialah Batu Bersurat
Terengganu bertarikh awal kurun ^{keempat} ~~keempat~~ belas. Batu bersurat tersebut
dapatlah dikira sebagai satu bahan seni yang terawal dijumpai selepas
agama Islam menjadi pegangan hidup orang-orang Melayu.

Selain daripada Batu Bersurat Terengganu yang merupakan satu
bahan ^{artifak} ~~artifak~~ seni daripada batu yang terawal dijumpai, orang-orang Melayu
juga mempunyai satu lagi bahan ^{artifak} ~~artifak~~ seni daripada batu, iaitu Batu
Nisan berukir, digelar Nisan Batu Aceh. Batu-batu nisan ini terdapat
di perkuburan-perkuburan ^{lama} ~~berusia tua~~ di beberapa tempat di Semenanjung
Malaysia ini, ~~iaitu~~ seperti di daerah Pekan, Pahang, daerah Kota
Tinggi, Johor serta ~~ia~~ di negeri-negeri Perak, Kedah, Terengganu,
Perlis dan juga ~~di~~ Selangor.

Nisan berukir yang berusia tua, terutama sekali Nisan Batu
Acheh mempunyai beberapa keistimewaan yang sangat menarik. Selain
daripada bentuknya yang unik, terdapat tulisan khat yang sangat indah.
Kehalusan ukiran-ukiran dan lorekan khatnya ^{itu} sangat sukar ditandingi.

Gambar 4, 5, 6, 6A

Seni Ukiran Logam

Gold 11 point

Di Semenanjung Malaysia penggunaan bahan logam dalam keperluan hidup manusia^a telah bermula sejak zaman purba lagi. Kepandaian menggunakan bahan logam di zaman purba adalah sesuatu yang sangat menarik kerana logam adalah bahan yang tidak boleh dipecah-pecahkan untuk menghasilkan ~~setiap~~^{sesuatu} alat seperti alat-alat yang diperbuat daripada batu.

Bahan logam harus dilebur terlebih dahulu ~~dengan bahan api~~^{sebelum} ~~ke dalam acuan~~ dituang ke dalam acuan yang telah direka bentuk untuk menghasilkan alat-alat logam yang mengikut corak acuannya. Proses melebur dan membuat acuan adalah satu kerja yang memerlukan kemahiran, pengalaman dan kesungguhan. Oleh itu kita tentulah berase-kagum dengan kepandaian orang-orang yang hidup beribu-ribu tahun lampau yang telah menghasilkan ~~sejenis~~^{se} jenis alat daripada logam yang dipanggil 'Gendang Dong Songya'. Alat logam yang mewakili zaman Logam ~~ini~~ⁱⁿⁱ telah dijumpai setase diadakan galicari oleh pakar-pakar kajipurba Jabatan Muzium Negara beberapa tahun yang lampau.

Penggunaan alat-alat daripada logam yang berukir berterusan hingga kini. Orang-orang Melayu juga banyak sekali menghasilkan ~~alat~~^{alat} beraneka jenis yang diperbuat seperti daripada logam, emas, perak, suasa, tembaga, tanah besi dan lain-lainnya.

Seni ukiran ~~daripada~~^{pada} alat-alat logam yang dihasilkan oleh tukang-tukang Melayu dapat kita lihat pada ~~alat-alat~~^{senjata} senjata seperti ~~lela, rentaka, senjata-senjata pendek seperti~~ keris, lembing, pisau,

dan DONG-SON ✓

MIS/Jan 1961.
NO 5.

alat-alat perhiasan diri, alat-alat permainan masa lapang, alat-alat pertanian, alat-alat perabot, alat-alat pemujaan dan ~~perbomohan~~ dan ¹² berbagai-bagai lagi.

Gambar ^{17A} 7, ⁸ 8, 9, 10, 11, 11A 11B

Seni Ukiran Kayu

1/12 bold

Seni ukiran kayu adalah seni kerajinan tangan, dan seni ini telah lama wujud dalam masyarakat Melayu. Seni ukiran yang dipersembahkan melalui bahan kayu ini sama juga dengan seni ukiran yang terdapat pada batu, tanah dan lain-lain bahan logam. Cuma yang dapat dibezakan ialah cara dan teknik pengukiran sahaja.

Kayu adalah bahan alamiah yang sangat sesuai dan baik untuk diukir atau ~~untuk~~ ^{dijadikan} struktur bangunan, kerana ~~bahan tersebut memiliki~~ ^{bersifat} ~~sifat mengkilap~~ ^{megejatkan} ~~atau mudah~~ ^{begitu} reput ~~apabila~~ ^{jika} tidak diawasi dengan baik, lebih-lebih lagi ~~apabila~~ ^{dan} jika sering terdedah kepada ~~iklim~~ hujan dan panas. Oleh itu ukiran-ukiran kayu tidak pernah dapat bertahan ~~hingga~~ ^{begitu} lama seperti ukiran-ukiran pada batu atau lain-lain logam.

Walau bagaimanapun ada juga ukiran-ukiran yang dapat bertahan sehingga ~~beberapa~~ ^{be-} ~~ratus~~ ^{ratus} tahun ~~tika~~ sekiranya ukiran-ukiran tersebut diperbuat daripada kayu jenis terhebat dan tahan seperti ~~jenis~~ ^{jenis} kayu jenis gengal, perbau, kempas, penak, pacang yutan dan ~~lain-lain~~ ^{lain-lain} jenis kayu terbaik yang terdapat di negara kita ini.

Sebagai menjaga mutu dan ketahanan ukiran-ukiran maka tidak hairanlah pengukir-pengukir Melayu memilih jenis-jenis kayu terbaik dalam menghasilkan kerja kreatif mereka.

Dengan menggunakan kayu-kayu jenis terbaik ini dalam kerja-kerja kreatif mereka, pengukir-pengukir itu bukan sahaja dapat memelihara ketahanan ukiran-ukiran tersebut tetapi dapat juga menjaga mutunya.

Ukiran-ukiran bukan sahaja terdapat pada ~~bangunan-bangunan~~
~~rumah~~ ^{-rumah tetap:} ~~tempat tinggal keluarga~~, penjelmaan dan penerapan ^{nya} ~~seni ukir~~
 terdapat juga pada ~~bangunan-bangunan seperti~~ istana-istana raja, masjid,
~~surau, wakaf, pintu gerbang~~, alat-alat permainan masa lapang, alat-
 alat pemujaan dan perbomohan, alat-alat muzik tradisional, alat-
 alat perabot, alat-alat ^{pertukangan} ~~bertukang~~, alat-alat pertanian, alat-alat
 senjata pendek, alat-alat memasak, alat-alat pakaian, perahu
 tradisional ^{dan pada yang lain} ~~ke~~ ^{ke} ~~znderaan~~ ^{seperti} ~~kereta kuda, pedati, kereta lembu~~ dan
 berbagai-bagai lagi.

Gambar 12 hingga 25 (p. 224-225)

3-57

(All Caps 14 point) *handwritten*

Sebelum zaman peralihan, masyarakat Melayu masih belum menerima pengaruh-pengaruh kebudayaan luar. Cara hidup pada zaman tradisional itu berlandaskan 'hidup untuk hari ini'. Hidup sedemikian, yang diibaratkan sebagai temporary survival itu, sangat mempengaruhi bentuk-bentuk seni ukiran yang ditonjolkan pada bahan-bahan artifak yang diperbuat daripada tanah ataupun juga batu. Walaupun seni sudah tercipta pada waktu itu, ^{namun untuk membuat} adalah sukar ~~untuk~~ ^{ini adalah} diberi hipotesis tentang bentuk seni yang diterapkan pada bahan kayu kerana tidak ada bahan-bahan kayu yang dapat dikekalkan ^{se} hingga begitu lama. Ukiran-ukiran kayu yang berumur lebih dari dua kurun pun tidak pernah diketemukan, kerana bahan-bahan tersebut ~~yang bersifat mengeras~~ mudah reput, tidak seperti bahan-bahan daripada batu, logam dan tanah.

10

2

Pada zaman pengaruh kebudayaan Hindu yang bermula pada abad pertama Masehi hingga abad ke empat belas, ~~tidak syak lagi~~ telah berlaku ^{pertembungan di antara kebudayaan Hindu dengan} ~~sebuah perubahan kepada~~ kebudayaan Melayu asli. Hasil daripada pertembungan dua kebudayaan itu, ~~sebuah~~ kebudayaan Hindu telah berjaya meresapi kebudayaan Melayu yang diamalkan oleh masyarakat tempatan ^{dan} akhirnya terjadilah apa yang dinamakan penyesuaian budaya. Beberapa bentuk dari kebudayaan Hindu seperti bahasa, kesusasteraan, agama, adat istiadat, seni bina dan pertukangan, seni ukiran, tekapan, anyaman, kepercayaan, ^{telah} peribonohan dan sebagainya ^{telah} meresap dalam kebudayaan Melayu asli.

9

Seni ukiran kayu berkembang luas ke istana-istana raja, ke rumah orang ~~besar~~^{-orang} besar dan kenamaan, rumah-rumah ibadat, pintu-pintu gerbang pada kota dan sebagainya. Sayangnya kesan-kesan peninggalan ~~warisan~~

~~di~~ zaman awal pengaruh kebudayaan Hindu itu tidak dapat ditemui.

Ianya telah musnah dimakan masa yang begitu panjang. ^{Walaupun bagaimanapun} ~~Pengaruh-pengaruh~~

~~kebudayaan~~ tersebut ~~bagaimanapun~~, masih berterusan sehingga

sekarang. ~~ini dan~~ ^D dalam seni ukirannya ^{sifat dan bentuk kehidupan itu} sedikit sebanyak kelihatan pada

ukiran-ukiran yang berunsurkan kosmos, haiwan ^{dan} ~~ataupun~~ juga tumbuhan-tumbuhan

~~yang sifat dan bentuknya masih kehinduan.~~

Seni ukiran tradisional Melayu sekali lagi ~~menempuh zaman~~^{menerima}

perubahan yang ~~lebih kompleks~~ apabila ~~kebudayaan Melayu menerima pengaruh~~

agama Islam yang ~~datang~~^{sampai} ke Semenanjung ^{Tanah Melayu} ~~Malaysia~~ ini kira-kira pada

abad ke-14 sebagaimana tercatat di Batu Bersurat Terengganu yang

ditemui di tebing Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu. Batu

bersurat tersebut ~~memberi satu~~^{men} ~~bukti~~^{kan} bahawa pada awal kurun keempat

belas agama Islam telah dianuti oleh masyarakat Melayu. 10

Bagaimana agama Islam ~~datang~~^{sampai} kemari dan siapa ^{kal} ~~mubaligh~~^{nya}

~~nya~~ yang ~~memperkembangkan~~^{mula-mula} agama tersebut dan bagaimana cara

pengislaman itu disempurnakan adalah satu perkara yang hingga kini

masih menjadi bahan kajian ilmiah. Berdasarkan fakta-fakta sejarah,

ada pendapat yang mengatakannya ^{bahawa} agama Islam itu dibawa oleh orang-orang

Arab, ~~orang~~ Parsi dan India.

Agama Islam itu telah diterima dengan baik oleh penduduk-penduduk tempatan yang ^{telah} sekian lama ^{mengamalkan} ~~telah~~ menganuti kebudayaan Melayu asli.

~~Mereka telah membina satu bentuk kebudayaan baru yang berlandaskan~~

agama Islam. Beberapa peraturan dalam agama yang baru itu ~~sangat~~ ^{telah} mula ^{mula} mereka ^{amalkan} sebagai ^{sebagai} ~~sesuai menjadi~~ pegangan hidup, ~~orang-orang Melayu~~.

~~Yang meliputi semua aspek yang berguna dalam hidup~~ ^{telah} turut diberi

perhatian. Unsur-unsur yang tidak sesuai yang ^{atau} bercanggah dengan ^{daripada} ~~dan~~

~~aturan agama~~ Islam telah mula dilenyapkan ~~dalam~~ ciptaan-ciptaan

mereka. Contohnya unsur-unsur makhluk hidup yang bermotifkan manusia

dan haiwan sedikit demi sedikit dihilangkan ^{daripada} ~~dalam~~ ciptaan seni ukiran.

~~Sebagai gantinya~~ Jika ukiran-ukiran tersebut masih juga memakai unsur

makhluk hidup, maka bentuknya ~~telah~~ ^{supaya tidak lagi} disamakan. ~~ia tidak lagi~~

memperlihatkan gambaran yang sebenar mengenai sesuatu bentuk haiwan.

~~Satu contoh yang baik ialah~~ ^{ukiran ini} ~~ukiran 'Itik Pulang Petang'~~ ^{ukiran ini} Misal nya satu, ukiran yang terkenal di Negeri Sembilan yang ~~dinamakan~~

'~~Itik Pulang Petang~~', ^{tersebut} Sungguhpun ^{memperlihatkan} bentuk badan itik

~~gambaran itu~~ tidak lengkap.

26, 27

(Gambar ~~'Itik Pulang Petang'~~)

Islam yang telah memperkenalkan tulisan-tulisan Arab di rantau ini, baik yang ditulis dalam bentuk ^{ayat-ayat} ~~Quran~~ dan sebagainya, telah memberi ilham kepada tukang-tukang ukir Melayu mencipta satu bentuk ukiran yang menggunakan tulisan tersebut. Bentuk ukiran tersebut dikenali sebagai ukiran kaligrafi. Ukiran-ukiran tersebut, yang kadangkala

merupakan cantuman bentuk geometri, kosmos dan unsur-unsur tumbuh-tumbuhan, menghasilkan ukiran-ukiran kayu yang tinggi mutunya. Bentuk-bentuk ukiran seperti itu dapat dilihat pada bangunan-bangunan masjid, surau ^{dan} bangunan-bangunan istana tradisional yang diperbuat daripada bahan kayu.

~~228~~
(Gambar ~~Ukiran Kaligrafi~~)

Pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu ^{lama} ~~tradisional~~, sebilangan besar raja-raja Melayu, ~~dan juga~~ kerabat di raja serta orang-orang besar tinggal di rumah-rumah atau istana kayu yang berukir. Sudah menjadi suatu kebiasaan pada masa itu raja-raja Melayu yang memerintah dengan sedaya upayanya ^{akan cuba} memiliki sebuah istana yang indah. Keindahan yang ^{telah} ~~terupaya yang dapat~~ dipersembahkan ialah seni ukiran yang berbagai-bagai rupa dan corak. Oleh kerana itulah ^{ada di antara} ~~setengah-setengah~~ raja-raja Melayu mempunyai tukang-tukang ukir ^{yang} khas tinggal di istana-istana, ~~dan~~ mereka ~~itu~~ tidak mempunyai tugas ^{lain-lain} ~~lain~~ ^{untuk} menyara hidup ^{mereka} ~~berkeluarga~~ selain daripada berkhidmat ^{kepada raja} ~~kepada raja~~ sepenuh masa ^{dengan} ~~dengan~~ mendapat ganjaran-ganjaran tertentu yang diberi oleh raja-raja ^{yang} ~~yang~~ berkenaan.

28, 29, 27A, ~~24B~~
(Gambar ~~Istana Raja~~)

Seorang raja yang tidak mempunyai istana yang indah dengan penerapan seni/ukirnya dianggap sebagai raja yang belum sempurna dan kurang mertabatnya. Statusnya juga dianggap lebih rendah daripada seorang raja yang mempunyai sebuah istana besar yang penuh berukir. Maka dengan sebab itulah raja-raja Melayu pada zaman dahulu memberi perhatian yang serius terhadap bangunan istana yang menjadi tempat kediaman dan juga tempat menjalankan pemerintahan negeri yang di bawah kekuasaannya.

Raja-raja Melayu ^{pada} ^{dahulu} zaman ~~tradisional~~ memainkan peranan penting dalam memperkembangkan dan menghidupkan suasana seni ukiran. Hingga kini peninggalan-peninggalan istana ^{lama} ~~tradisional~~ memperlihatkan betapa indah dan cemerlangnya ukiran-ukiran yang diterapkan pada bahagian-bahagian tertentu di bangunan istana tersebut.

Dalam Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) yang ditulis oleh Tun Seri Lanang pada awal abad ke-17, terdapat catatan yang menerangkan tentang betapa incahnya seni bina istana Sultan Mansur Syah, ~~Sultan~~ yang memerintah Melaka kira-kira pada tahun masehi 1459 hingga tahun 1477. Selain daripada bentuk istana yang indah dan unik, istana itu juga dihias dengan ukiran-ukiran yang indah pada dinding, rembat, bendul, pintu, tingkap, tangga dan sebagainya ~~itu~~. Istana berukir yang indah ^{itu} dan dicelar oleh rakyat Melaka pada waktu itu sebagai 'Istana Hawa Nafsu' ^{dan} menurut Sejarah Melayu itulah ^{se} ^{nya} sebuah istana berukir yang tidak ada tolok bandingnya ^{pada} ^{nya} di ~~semana~~ rantau ~~itu~~. ^{sebelum} ^{sini}.

Catatan-catatan yang terdapat di dalam Sejarah Melayu mengenai seni/ukiran merupakan catatan ~~yang~~ terawal yang menerangkan tentang seni ukiran kayu tradisional Melayu. Dari catatan itu diketahui bahawa sejak lebih 500 tahun yang lampau orang-orang Melayu sudah memberi perhatian yang istimewa ^{terhadap} mengenai seni ukiran pada bangunan dan rumah kediaman.

Dalam Hikayat Misa Melayu yang dikarang oleh Raja Chulan bin Raja Abdul Rashid kira-kira pada pertengahan kurun ke-18, ada catatan yang menerangkan tentang seni bina istana Sultan Iskandar Zulkarnain (Sultan Perak tahun masehi 1756-1780). Istana yang terletak di Pulau Indera Sakti, sebuah tempat di Kuala Sungai Kinta itu juga ^{diukir} ~~diukir~~ dengan ukiran-ukiran ^{pada} di bahagian-bahagian tertentu ~~pada~~ ~~seperti~~ ~~istana~~ ~~tersebut~~. Sayangnya istana berukir yang indah seperti yang digambarkan oleh Misa Melayu itu telah ^{musnah} ~~mengalami kemusnahan~~ tanpa meninggalkan apa-apa kesan yang ^{boleh dijadikan bahan} ~~boleh~~ ~~dibuat~~ kajian.

Gambar 32A, 32B

Pada hari ini sukar didapati peninggalan-peninggalan seni/ukiran yang berusia ~~dua~~ ^{pada} lebih dari dua atau tiga kurun yang lampau. Ini ^{mungkin kerana} ~~kerana~~ bahan kayu itu sendiri yang mudah rosak, apatah lagi ~~dan~~ ^{jika} berlaku kebakaran. Rumah-rumah berukir juga kadang-kadang dirombak kerana sebab-sebab tertentu seperti masalah harta pusaka, berpindah tempat, pencarian hidup yang berubah dan ^{berbani-bagi} ~~sebagai~~ lagi.

Walaupun bagaimanapun juga
 Kita juga bernasib baik kerana masih terdapat beberapa buah istana kayu tradisional berukir yang berumur lebih sedikit daripada satu kurun yang telah dapat dikekalkan. Ukiran-ukiran berusia tua dapat dilihat pada Istana Balai Besar di Kelantan, iaitu sebuah istana yang dibina kira-kira 150 tahun yang lampau.

Di sekitar bandar Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas dan di beberapa buah kampung di negeri Kelantan masih kelihatan rumah-rumah tua yang belum banyak terjejas oleh alam sekitarnya.

GAMBAR 33, 34, 35, 37, 38

Di negeri Terengganu juga terdapat beberapa buah istana lama yang berukir, seperti Istana Raja di Besut, Istana Tele, Istana Kolang, Rumah Tengah. Di sekitar Jalan Patani, Kuala Terengganu juga terdapat beberapa buah rumah tua yang penuh berukir tetapi tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Mungkin dalam beberapa tahun yang akan datang rumah-rumah tua yang berukir itu juga tidak akan terdapat lagi di tapaknya yang asal.

Pada tahun 1982 satu kebakaran besar telah berlaku di Kuala Terengganu yang dikenali dalam sejarah Terengganu sebagai 'Api Pecah Gedung'. Kebakaran ini telah memusnahkan beberapa buah istana kayu yang berukir serta juga lebih daripada 1600 buah rumah kediaman yang terletak berhampiran dengan kompleks istana raja-raja Terengganu itu.

Selepas kebakaran besar itu ~~maka~~ barulah didirikan beberapa buah istana kayu di tapak istana yang terbakar itu. Istana-istana yang baru dibina itu terdiri daripada istana Tele atau Istana Tengku Nik, Istana Satu, Rumah Tengah dan juga Istana Maziah. Istana Maziah diperbuat daripada konkrit.

GAMBAR BBA

Kebakaran itu juga disifatkan sebagai satu kerugian yang amat besar terhadap khazanah warisan kebudayaan kita kerana kebakaran itu melibatkan istana-istana berukir yang indah yang didirikan ^{pada} zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah II yang memerintah ^e ~~Trengganu~~ kira-kira pada tahun 1831 hingga tahun 1836.

Seni ukiran yang berusia tua terdapat juga pada bekas istana lama di Kampung Raja, Kuala Besut. Ukiran-ukiran di istana itu yang dikenali dengan nama 'Dinding Janda Berhias', menggambarkan dengan jelas kemahiran tukang-tukang ukir Melayu dalam mencipta dan menghasilkan kerjaya yang sangat cemerlang dan dikagumi oleh pelancong-pelancong luar negeri. Ukiran tersebut tidak terpelihara di istana yang semakin usang itu.

GAMBAR 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49,
50, 51, 52, 53, 54, 55, 56

Di sebelah utara Semenanjung Malaysia iaitu ^{di - negeri} negeri Kedah, Perlis dan ~~juga~~ Pulau Pinang yang dulunya sebahagian dari ^{pada} negeri Kedah terdapat juga rumah-rumah yang berukir, terutama sekali rumah-rumah yang berusia tua. Ukiran yang terdapat pada rumah-rumah ini memperlihatkan satu perbezaan yang nyata ~~dengan~~ ^{daripada} ukiran-ukiran pada rumah-rumah di sebelah pantai timur. Corak dan kerektor benda hidup yang dicipta oleh pengukir di negeri-negeri tersebut terikat kuat dengan pengaruh-pengaruh luar yang ada kaitan dengan persejarahan negeri tersebut. Setengah-setengah bentuk ukiran mengingatkan kita akan bentuk-bentuk yang serupa seperti yang terdapat di sebelah utara ^a seperti di Selatan Thailand dan Acheh di utara Sumatera.

Ukiran-ukiran yang terdapat di negeri Perak tidak boleh digolongkan sebagai ukiran negeri Perak sejati. Di sebelah utara terutama sekali di Hulu Perak terdapat rumah-rumah berukir yang mirip sekali dengan ukiran-ukiran yang terdapat di Patani, manakala di Perak Tengah pula ukiran-ukiran itu telah terpengaruh dengan ~~caja~~ ^{caja} seni ukiran dari Acheh dan Jawa.

GAMBAR 57, 58, 59, 60 57A 57B

Penduduk-penduduk dari daerah selatan negeri Perak merupakan orang-orang Melayu yang sebahagian besarnya berketurunan dari beberapa suku Melayu dari pulau sumatera, iaitu dari Mendailing, Batak, Rawa, Kerenci, Kampar dan Jambi. Mereka ~~ini~~ mula datang dan berhijrah ke

Perak kira-kira pada pertengahan kurun ke-19, rumah-rumah mereka terutama rumah-rumah tua dan bentuk-bentuk ukiran sedikit sebanyak terpengaruh dengan gaya dan bentuk seni bina negeri asal mereka. /k

Rumah-rumah berusia tua di negeri Perak terutama sekali yang terdapat di daerah Perak Tengah dan daerah Kuala Kangsar, masih lagi mengekalkan ukiran-ukiran yang berlandaskan ciri-ciri seni ukir Perak asli, seperti ukiran-ukiran yang terdapat di cucuran atap, penutup bendul, tingkap, pintu dan juga pada dinding pemisah ruang. Dalam rumah ini terdapat satu bentuk ukiran yang dipanggil 'Lebah Bergantung'. Ukiran tersebut dipasang pada hujung para buang, di sudut kaki tebar layar. Ukiran tersebut ada kaitannya dengan beberapa kepercayaan tahyul yang dipercayai turun temurun. Copy



57D.

Di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, terdapat sebuah istana lama yang berdinding pelupuh atau tepas. Istana yang dikenal sebagai Istana Kenaganⁿ itu juga mempunyai ukiran-ukiran di bendul, tingkap, pintu, cucuran atap, tangga dan lain-lain bahagian tertentu. Ukiran-ukiran di tangga hadapan dikenal dengan nama 'Pagar Tenggalung', yang saya kira terpengaruh dengan ukiran-ukiran dari selatan.

61, 62, 63, 64, 65, 66

(Gambar 61A, 61C. 64A

61B,

Ukiran-ukiran kayu yang terdapat di Semenanjung ini terutama di negeri-negeri di sebelah selatan, iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor sangat terpengaruh oleh seni ukiran di rantau asal keturunan penduduk tersebut. Di Negeri Sembilan ukiran-ukiran kayu sangat terpengaruh dengan ukiran yang terdapat di Minangkabau. Ini sudah semestinya kerana orang-orang Melayu Negeri Sembilan adalah berketurunan dari sana.

Sebuah dua rumah-rumah tua di Negeri Sembilan memaparkan ukiran-ukiran yang menonjolkan falsafah-falsafah tertentu yang sering diterapkan pada bangunan rumah adat di Minangkabau. Hal ini dapat diperhatikan dari ^{pada} penggunaan beberapa pola yang bermotifkan nama yang diberi seperti 'Itik ^h Fulang ^p Petang', 'Kucing Lalok' (Kucing tidur), 'badak mudiek' (badak mudik), 'beruk bergayut', 'tupai tatagan' (tupai atas dahan), 'kuda menyipak', 'ayam berlaga' dan lain-lain lagi. /c

Ukiran-ukiran yang terdapat di Negeri Sembilan sebahagian besarnya mempunyai pengertian dan falsafah yang telah diwarisi sejak zaman berzaman lagi, iaitu satu penerusan kebudayaan Adat Perpatih yang masih terpelihara hingga ~~masa~~ kini. Oleh itu bentuk-bentuk ukirannya terikat kuat dengan cara hidup dan adat resam yang masih terpelihara. Hal ini

mungkin tidak ~~terdapat~~ ^{terdapat} bentuk-bentuk ukiran dari negeri-negeri lain ^{pada} di Semenanjung, kerana sebahagian besar karya seni ukiran tidak mengandungi falsafah yang terikat oleh adat. Motif-motif pada ukiran ini merupakan hak pengukir dan merekalah yang memberi nama-nama tertentu kepada ukiran itu. Hingga kini pun sebahagian besar ukiran-ukiran yang dihasilkan oleh pengukir tradisi, terutama di Pantai Timur, ^{diberi nama oleh pengukir-pengukir itu sendiri.} ~~mereka sendirilah yang memberi nama~~ berdasarkan contoh dari mana unsur-unsur itu diambil.

Di Negeri Sembilan ukiran yang bermotif ^{a b} 'Ayam Berlaga' sering dipasang pada anak tangga ataupun di bahagian rumah yang mudah dilihat. Ukiran tersebut memperlihatkan dua ekor ayam jantan sedang berlaga. Ukiran ini diibaratkan sebagai satu perbuatan yang tidak baik. Manusia tidak seharusnya berkelakuan seperti ayam jantan yang asyik berlaga. Ukiran yang bermotif sedemikian bertujuan untuk memberi satu peringatan kepada masyarakat. Maka oleh itu ukiran tersebut diletakkan pada anak tangga supaya ia mudah dilihat dan dipijak.

67, 68, 67A, 67B.

~~Satu lagi motif ukiran yang mengandungi falsafah tetapi jarang-jarang ditemui di Negeri Sembilan, ialah ukiran yang bermotif 'Itik Pulang Petang'. Ukiran ini berbentuk panjang melintang, diukir berbentuk seperti itik berjalan berbaris. Motif ini memberi satu contoh sifat semua jadi itik. Itik yang duduk di baris belakang~~

DURAN, KAYU S. 2

Satu lagi motif ukiran yang mengandungi falsafah tetapi jarang-jarang ditemui di Negeri Sembilan ialah ukiran yang bermotif 'Itik Pulang Petang'. Ukiran ini berbentuk panjang melintang, diukir berbentuk seperti itik berjalan berbaris. Motif ini memberi satu contoh sifat semula jadi itik. Itik yang duduk di baris belakang tidak pernah cuba mendahului yang di hadapannya. Manusia pula seelok-eloknya meneladani itik, janganlah bersifat sombong dan ^{mahulah} patuh kepada

ketua-ketua atau pemimpin yang telah diberi kepercayaan untuk memimpin. Ukiran-ukiran lain yang mengandungi makna ialah seperti 'Awan Selimpat, Awan Telipok, Pagan Tinggalong, Maha Risi, Awan Bayan, Awan Jawa, Awan Sa' Mayang' dan lain-lain lagi.

68A 73A
GAMBAR 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77 .

Di Negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan, kita masih dapat melihat rumah-rumah lama yang berukir. Di Kampung Bharu, Wilayah Persekutuan didapati beberapa buah rumah berusia tua seperti di Hujung Pasisir, Jalan Raja Abdullah dan di ⁰Kampung Pindah. Rumah-rumah tersebut bukanlah begitu tua sangat usianya, mungkin dalam lingkungan 50 atau 60 tahun tetapi ukiran-ukiran yang terdapat pada alang tingkap, alang pintu, pada tebar layar memperlihatkan unsur dan pengaruh daripada Melaka. Ini mungkin disebabkan sebahagian besar rumah-rumah lama itu terpengaruh dengan gaya seni bina dari sana.

Di Batu Lima Gombak, iaitu kira-kira 8km. ke utara pusat bandar Kuala Lumpur terdapat sebuah rumah lama yang agak unik dan luar biasa bentuk bangunannya. Di perabung bahagian atas dipasang ukiran-ukiran yang dipanggil ombak-ombak. Ukiran-ukiran juga terdapat di bendul, cucuran atap dan di bahagian dinding pemisah ruang di bahagian sebelah dalam. Menurut cerita lisan yang saya perolehi dari ^{pada} tuan yang ^{mem}punyai rumah ^{itu}, bahawa rumah tersebut dibina pada awal kurun ~~kes~~ ^{dua} ~~dua~~ ^{puluh} oleh tukang-tukang rumah yang didatangkan khas dari Minangkabau, jadi ukiran-ukirannya ini tidak syak lagi terpengaruh oleh unsur-unsur dari sana.

Rumah-rumah berukir masih terdapat di beberapa tempat di Selangor, seperti di Beranang, Hulu Langat, Kuala Langat, Jeram dan sekitar Kuala Selangor, Sabak Bernam. Masing-masing ukiran yang pernah saya lihat itu terpengaruh oleh gaya ukiran asal keturunan penduduk di situ sama ada mereka orang Jawa, Mendailing, Bugis, Banjar, Minangkabau dan sebagainya lagi. Jika ditinjau dari persejarahan Negeri Selangor, sebahagian besar penduduk ~~penduduk~~ Melayunya berasal dari keturunan daerah kesukuan ~~masing-masing~~ ^{di} pulau Indonesia.

78A 78, 79, 80, 81, 83, 84, 85
78B

Di Negeri Pahang sebahagian besar penduduk Melayunya sejak berzaman lagi tinggal di tepi-tepi tebing sungai, terutama di tepi Sungai Pahang. Oleh itu rumah-rumah tua hampir sukar ditemui kerana banyak yang ^{telah} dimusnahkan ^{kan} oleh banjir dan lain-lain faktor alam. Di kampung Sungsang dekat Temerloh dan juga di Kampung Bohol dekat Kuala Bera, terdapat rumah-rumah yang berumur hampir 70 hingga 89 tahun. Rumah-rumah tersebut tidak banyak menyelitkan ukiran-ukiran yang dianggap baik dan bermutu. Ketandusan seni ukiran di Pahang haruslah berpunca dari ^{pada} keadaan dan suasana negeri tersebut pada kurun ke-19. Pada waktu itu orang-orang Melayunya sering terlibat dalam kancah politik dan perang saudara yang berlarutan. Dalam suasana yang sedemikian sudah pasti mereka tidak ada masa memikirkan rumah yang baik yang mempunyai nilai-nilai estetika dan sebagainya. Suasana yang tidak setabil itu juga memungkinkan sebahagian besar rumah-rumah berukir kepunyaan raja-raja, orang-orang besar dan orang-orang yang berada turut musnah. Rumah-rumah ini juga mungkin ditinggalkan kerana sebab-sebab keselamatan ataupun runtuh dengan sendirinya ^{apakah} bila berlakunya masalah pembahagian harta pusaka ^{setelah} ~~masih~~ yang ~~punya~~ meninggal dunia.

86 86B, 86A, 86C.

(Gambar

Di Negeri Melaka terdapat peninggalan-peninggalan seni ukir pada beberapa buah rumah lama. Namun agak sukar kita menemui rumah-rumah berukir yang berumur lebih daripada 70 tahun. Walaupun Melaka telah

memperkenalkan seni ukir pada bangunan rumah lebih daripada 500 tahun seperti tercatat dalam Sejarah Melayu, namun penerusan seni ukiran yang cemerlang itu nampaknya terputus pada peringkat zaman yang kita sendiri tidak dapat [?] memastikan dengan jelas. Kemungkinan juga seni ukiran yang diwarisi tidak dapat diperkembangkan apabila Melaka telah dijajah sebegitu lama oleh beberapa kuasa penjajah.

Hari ini Melaka tidaklah dapat bermegah seperti pada zaman tradisional yang telah berlalu. Kita tidaklah dapat hendak menentukan ciri-ciri seni ukir tradisional yang khusus, melambangkan identiti negeri tempat lahir panglima Hang Tuah itu. Apa yang dapat kita lihat hari ini adalah ukiran-ukiran yang masih kelihatan pada sebuah dua rumah tua yang mempunyai ciri-ciri ukiran yang telah bercampur-aduk, baik ^{dengan} dari kebudayaan serantau ataupun juga pengaruh-pengaruh kebudayaan luar yang sekian lama telah bertapak di Melaka.

GAMBAR 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96

Di Negeri Johor, kita dapat melihat banyak rumah tradisional yang berukir, tetapi usianya sangat muda jika dibandingkan dengan

ukiran-ukiran yang terdapat di Kelantan dan Trengganu. ~~Paling tua~~ ^{yang paling tua} Rumah-rumah berukir di Johor adalah dalam lingkungan 65 hingga 70 tahun.

Orang-orang Melayu di Johor sama juga dengan orang-orang Melayu di Negeri

Sembilan dan di Selangor. Mereka itu, sebahagian besarnya berketurunan

^{dan berasal} dari beberapa daerah di Nusantara. Ada yang berasal dari Jawa, Bugis,

Banjar dan sebagainya. Mereka ini masing-masing berpegang kuat kepada adat resam yang diamalkan di negeri asal keturunan mereka. Keadaan ini juga mempengaruhi alam seni bina atau rumah yang menjadi tempat tinggal mereka. Pada rumah-rumah lama yang berusia tua yang terdapat di Johor masih kelihatan ciri-ciri dan kerektor yang memperlihatkan asal keturunan pemilik rumah itu.

Di Parit Pecah, Muar terdapat sebuah rumah berusia tua yang diduduki oleh Encik Mohd. Tahir bin Daeng Mustafa. Rumah tersebut berukir pada bahagian dinding, tingkap, serambi dan juga pada tepi tebar layarnya. Ukiran-ukirannya terpengaruh oleh seni ukiran yang terdapat di Bugis. Menurut cerita lisan daripada Encik Mohd. Tahir, bahawa rumah yang diduduki oleh beliau itu ditukangkan oleh tukang-tukang rumah yang didatangkan khas dari Kalimantan. Bahan-bahan binaan juga dibawa dari sana termasuk atap belian (atap sirip).

97, 981

(Gambar

)

Selain daripada ukiran-ukiran yang berunsurkan seni ukir dari Bugis, maka ukiran-ukiran yang berunsurkan seni ukir Jawa masih kelihatan di Johor terutama sekali di daerah Batu Pahat, Muar dan Segamat. Ukiran-ukiran yang sering dipakai bermotifkan Awan Jawa, Maha Risi, Gelung Kembar, Pilin/Berganda dan lain-lain lagi.

25

Seni ukiran Kayu Tradisional Melayu sudah menempuh masa yang begitu panjang, dan ianya tidak terputus pada sesuatu peringkat masa dan waktu. Dahulu tukang ukir dengan alat-alat yang serba kekurangan telah dapat mencipta dan menghasilkan seni yang begitu cemerlang. Pada zaman moden yang berteknologi ini pula orang-orang Melayu masih mampu mengekalkan sebilangan kecil seniman-seniman yang memperlihatkan kerjaya mereka menerusi ukiran-ukiran. Mahupun mereka itu diberi perhatian atau tidak, namun mereka akan meneruskan juga seni pengukiran kayu yang telah mereka warisi daripada nenek moyang mereka itu dan memelihara warisan budaya ini dari kepupusan.

GAMBAR 99, 100, 101

99A

~~BAE III~~ III (24 poin bld)

POLA-POLA PADA UKIRAN KAYU TRADISIONAL

(14 poin bld)

All Ceps 14 poin

Penjelmaan sesuatu pola atau ragam hias (corak hias) dalam karya seni ukiran kayu tradisional Melayu tidak dapat dipisahkan daripada dua perkara, iaitu motif hias dan teknik penyusunan. Kedua-duanya pula terikat dengan perhitungan tataaturan yang berkaitan dengan adat resam dan kesopanan yang telah ditetapkan dan diwarisi oleh pendukung sesuatu rumpunan keturunan Melayu, sama ada Jawa, Patani, Minangkabau, Banjar, Mendailing, Aceh, Bugis dan lain-lain. Pola-pola pada ukiran kayu juga memperhitungkan faktor-faktor lain yang bersangkutan paut dengan adat resam, agama, kepercayaan animisme, nilai dan norma hidup, keindahan, keharmonian dan lain-lain lagi yang berkaitan.

Pola dan Motif juga mempunyai hubungan dan kaitan langsung yang begitu rapat dan sehati. Motif dalam seni ukiran kayu adalah dimaksudkan sesuatu perhiasan yang diukir dalam dua atau tiga dimensi, kemudian disusun dan digubah menjadikan pola atau corak hias tertentu. Corak hias ini sering mengandungi makna dan falsafah tertentu. Oleh itu pengukir-pengukir tradisional yang bertanggungjawab tidak sekadar mengukir hanya untuk menghasilkan yang indah dan cantik sahaja tetapi mereka juga harus bertanggungjawab, berkemampuan serta berkewibawaan melahirkan karya seni bermotif yang mengandungi erti dan falsafah yang boleh diterima oleh pendukung kebudayaan itu.

~~Penjelmaan sesuatu pola ataupun corak hias dalam karya seni ukiran kayu Melayu tidak dapat dipisahkan dari dua perkara, iaitu motif hias dan teknik penyusunannya. Kedua-dua ini pula tidak terlepas dari perhitungan tatakrama yang telah ditetapkan dan diwarisi oleh pendukung sesuatu bentuk kebudayaan. Pola-pola yang dapat dilihat dalam ragam hias khususnya seni ukiran kayu tetap memperhitungkan beberapa faktor yang melibatkan persoalan cara hidup, adat resam, kepercayaan, etika, estetika, nilai, norma-norma cara perletakan dan sebagainya lagi.~~

Dalam seni ukiran Melayu, terdapat beberapa teknik dan gaya bagaimana ukiran-ukiran tersebut diolah mengikut kebolehan, kebijaksanaan, kemahiran, daya kreatif dan juga kemampuan yang ada pada seseorang pengukir. Seseorang pengukir terlebih dulu memperhitungkan bentuk-bentuk ukiran dan cara yang harus mereka ikut untuk memulakan tugas yang memerlukan ketekunan dan kesabaran.

Ukiran-ukiran Melayu biasanya terdiri daripada beberapa teknik tebuk atau sobek, digelar tebuk terus, tebuk separuh dan tebuk timbul. Setelah itu pemilihan pola-pola harus diberi perhatian yang utama. Dalam seni ukir^{an} kayu Melayu pola-pola seni ukirnya terdiri daripada tiga pola yang penting, iaitu pola bujang atau pola putu, pola bingkai dan pola lengkap. Ketiga-tiga pola tersebut adalah seperti yang diterangkan dengan ringkas di sini.

102, 103

(Gambar ~~tebuk terus, tebuk separuh, tebuk timbul~~)

Pola Bujang

bold 11 poin

Pola bujang dikenal juga sebagai pola putu. Motifnya mengambil gaya bebas atau berdiri sendiri, tidak terikat, berkait atau bersambung-sambung. Biasanya pola bujang mengambil unsur-unsur dari kuntum bunga, putik buah, bulan, bintang, matahari dan juga unsur-unsur makhluk hidup. Pemilihan bunga dan buah yang sering menarik perhatian pengukir-pengukir ialah jenis tumbuh-tumbuhan atau tumbuh-tumbuhan yang menjadi sumber perubatan tradisional yang tumbuh di persekitaran dan juga di hutan. Contoh-contoh yang disukai ialah tampuk manggis, bunga cengkih, bunga lawang, bunga teratai, bunga keladi, bunga petola, bunga ketumbit, buah saga kenering, kacang hantu, bunga cina, bunga matahari, bunga raya, bunga keduduk, bunga keladi biak (keladi bunting), bunga misai kucing, bunga mawar, bunga melati, bunga meroyan, punai tanah, bunga sikup dada, bunga tahi ayam dan sebagainya.

104, 105

(Garbar)

Unsur kosmos dan makhluk hidup ^{yang} sering terdapat dalam pola bujang, ^{ada di} ialah bulan, bintang, ayam, itik, badak dan burung-burung. Penggunaan unsur makhluk hidup yang dipersembahkan dalam pola bujang itu merupakan satu warisan lama yang hanya dapat dilihat pada rumah-rumah tradisional terutamanya di Negeri Sembilan.

Pola Pemidang *Bold Uprin*

Pola pemidang atau disebut juga pola bingkai menggunakan unsur-unsur sederhana, pergerakannya tidak banyak berbelit atau berlingkar dan mempunyai pemidang atau bingkai. Biasanya motif pola pemidang lebih bersifat estetik dengan pengertian-pengertian yang tertentu. Sebahagian daripada bentuk pola ini dapat dilihat pada rumah-rumah lama di Negeri Sembilan yang tukang-tukang ukirnya didatangkan khas dari Minangkabau. Ukiran-ukiran daripada pola pemidang ini dikenal dengan motif-motif itik pulang petang, badak mudik, setampuk manggis dan sebagainya.

Pola pemidang atau bingkai biasanya terlihat pada perkakas yang terdapat di dalam rumah, seperti tepak sirih, almari dan dulang kayu. Di bangunan rumah pula/pola pemidang sering dipasang pada penutup bendul, paha tangga, cucuran atap dan tempat-tempat lain yang sesuai dengan konsep ukiran tersebut.

GAMBAR 106, 107

Pola Lengkap

Pola lengkap dikenali juga sebagai pola induk. Ia menggabungkan semua unsur dalam satu bentuk ukiran yang lengkap. Pola ini lebih menitikberatkan unsur tumbuh-tumbuhan kerana sifatnya lebih lembut



dan mudah disusun. Bentuk pola lengkap ini merangkumi seluruh pohon
yaitu bermula dari akar, batang, dahan, daun, buah, putik dan sulurnya
sekali. Sistem penyusunannya berlingkar-lingkar, berpiuh-piuh,
bersilat, bergulung-gulung, berawan larat dan sebagainya. Penyusunan
ini sebenarnya terpulang kepada kebijaksanaan dan bakat seseorang pengukir.

108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117

(gambar)

IV 24 poin bnd
~~BAB III~~

KAYU TRADISIONAL MELAYU

UNSUR-UNSUR DALAM UKIRAN: SENI UKIRAN

(14 poin all caps)

All Caps 14 poin

1 ← Penjelmaan sesuatu gaya dalam seni ukiran kayu Melayu pada umumnya sangat dipengaruhi oleh beberapa faktor yang berkaitan dengan cara hidup seperti adat resam, kepercayaan agama, alam persekitaran semula jadi, iklim dan juga topografi. Pemilihan unsur perlu dibuat supaya bersesuaian dengan kehendak perseorangan dan juga kehendak masyarakat supaya ia tidak bercanggah dengan peraturan-peraturan atau ^{tata adat resam} masyarakat Melayu yang mengamalkan berbagai bentuk kebudayaan itu. Sebahagian daripada unsur-unsur tersebut diterangkan dengan ringkas di sini.

Unsur Makhluk Hidup

bnd 11 poin

Pada umumnya unsur-unsur makhluk hidup tidak banyak dipakai dalam karya seni ukiran Melayu kerana agama Islam tidak menggalakkan penciptaan ragam ^hhias yang berasaskan makhluk yang bernyawa. Walau bagaimanapun saki-baki daripada warisan karya seni ukiran lama masih tetap menampilkan ciri-ciri yang berunsurkan makhluk hidup seperti ukiran-ukiran yang bermotifkan ayam berlaga, badak mudik, itik pulang petang dan sebagainya.

Dalam pemilihan unsur-unsur makhluk hidup biasanya yang menjadi contoh ialah makhluk-makhluk yang terdapat di persekitaran seperti burung, kucing, ayam, itik dan sebagainya lagi. Ukiran-

ukiran yang berunsurkan makhluk hidup merupakan peninggalan warisan kebudayaan Melayu sebelum Islam. Ukiran jenis ini beransur-ansur diketepikan kerana tidak sesuai dengan kebudayaan Melayu yang berteraskan agama Islam.

118, 119, 120, 120A
(gambar)

Unsur Kosmos

bold 11 pin

Unsur kosmos atau ruang angkasa dipersembahkan melalui gambaran matahari, bulan, bintang, awan berarak, gunung-ganang, bukit-bukau dan lain-lain. Sebagaimana motif matahari, dari bintang sering dipasang pada muka tebar layar, unsur awan berarak pula sering terdapat pada ukiran-ukiran yang mengambil pola lengkap. Unsur-ini sering dicantumkan dengan unsur-unsur tumbuhan dan juga kaligrafi.

121, 122, 123
(gambar)

Unsur Geometri

bold 11 pin

Unsur geometri atau tumpal mungkin ada hubungan dengan pengaruh kebudayaan pada masa prasejarah. Ukiran yang berunsurkan geometri ini dapat dikesan dalam seni ukiran Melayu yang mengambil pola-pola seperti bentuk bersegi atau ^{yang} dikenali ^{sebagai} pola tumpal. Kaki dan bentuk segi tiganya disusun berderet-deret dan kadangkala segi tiga itu dicantumkan dengan sulur-sulur tumbuhan. Satu lagi unsur geometri

yang dikira warisan prasejarah ialah pilin berganda, yakni bentuk-bentuk seperti huruf 'S' yang disusun berderet-deret, atau ukiran pilin berganda dan berpiuh-piuh. Ukiran-ukiran geometri ini ^{didapati pada} alat-alat tembikar, sarung keris, tepak sirih, barang-barang tembaga dan alat-alat ragam hias yang dipakai dalam rumah.

GAMBAR 124

Unsur Kaligrafi

bid 11 pin

Unsur kaligrafi dalam seni ukiran Melayu bermula setelah orang-orang Melayu menerima pengaruh Islam. Unsur ini mengambil contoh huruf Arab, ayat Quran dan tulisan Jawi. Ada juga unsur kaligrafi yang dicantumkan dengan unsur-unsur kosmos dan juga unsur tumbuh-tumbuhan dan sesuai benar jika dimanfaatkan ke dalam pola lengkap. Unsur kaligrafi sering terdapat pada bangunan-bangunan masjid, surau juga rumah-rumah kediaman dari kalangan mereka yang mampu. Di Semenanjung Malaysia ukiran-ukiran berunsur kaligrafi banyak terdapat pada rumah-rumah Melayu lama di Kelantan dan Terengganu.

GAMBAR 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131

Unsur Tumbuh-tumbuhan

bid 11 pin

Dunia seni ukiran Melayu lebih banyak tertumpu kepada pengambilan unsur tumbuh-tumbuhan. Biasanya tumbuh-tumbuhan menjalar ataupun pohon-pohon yang mengeluarkan bunga menjadi pilihan utama. Unsur

tumbuh-tumbuhan sangat sesuai dibentuk dan digayakan ukirannya mengikut kebijaksanaan pengukir.

Tumbuh-tumbuhan yang sering menjadi sumber ilham pengukir-pengukir Melayu ialah jenis-jenis kacang, labu, ketumbit, ketam guri, kerak nasi, ketola, peria, saga kenering, kola bukit, daun salad, bunga lawang, bunga raya, bunga cina, bunga cengkih, buluh (rebungnya), bunga mangga, pokok bermin, bunga kuda laut, balung ayam, ringgut-ringgut, teratai, pokok susu ketam, jari buaya, bunga keduduk, pokok kazon, jari hantu, pokok nyu-nyu dan lain-lain.

132 , 133

(gambar)

bayam peraksi, daun selat, selimban kazon, bunga kolam, bayam kukur, setulang,

Bostonville

~~BABU~~

✓ (24 poin bnd)

KAYU

Centralized

TATA LETAK UKIRAN/PADA BANGUNAN RUMAH

TRADISIONAL MELAYU

All Caps 14 poin

← Sebahagian besar koleksi ukiran-ukiran kayu yang tersimpan di beberapa ^m muzium di negara kita ini dan juga ukiran-ukiran tua yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan sebagai barang-barang koleksi atau barang-barang antik amat sukar hendak ditentukan asal letak sebenarnya ukiran-ukiran tersebut. Kita tidak tahu sama ada ukiran-ukiran itu terletak di tingkap, di dinding, ^{d:} bumbung dan sebagainya kerana sewaktu ditemui ukiran-ukiran tersebut sudah bercerai dari temp^aatnya yang sebenar. Pemiliknya baik ^m muzium sendiri ataupun orang perseorangan biasanya mendapatkan kepingan ukiran tersebut dari penjual-penjual barang-barang antik atau membeli dari orang lain.

Pada zaman dahulu, rumah-rumah Melayu yang berukir mestilah mengikut aturan tertentu dan ukiran-ukiran tersebut harus ditetapkan pada bangunan rumah, agar ukiran itu nanti tidak bercanggah dengan tata letak ukiran yang berhubung dengan adat resam, kepercayaan, nilai dan sebagainya.

Ukiran-ukiran kayu tidak dapat dipisahkan dengan bangunan rumah. Setiap ukiran mestilah disesuaikan dengan bahan-bahan binaan yang akan diterapkan di dalam sesebuah rumah nanti.

GAMBAR 134, 1344

Oleh itu sebaik-baiknya kita kenal dulu bentuk bangunan rumah tradisional Melayu itu. Rumah tradisional Melayu adalah rumah yang berpanggung yang terletak di atas tiang-tiang dan berlantai tinggi daripada permukaan tanah. Bentuk sedemikian amat sesuai dengan keadaan cuaca panas dan lembab. Kolongnya yang terbuka itu memudahkan pengedaran udara masuk dan keluar dari bawah rumah.

Sebagai rumah yang berpanggung maka bentuk bangunan rumah akan terbahagi kepada tiga ^{Perenggan} bahagian. Bahagian-bahagian itu disebut ^{Perenggan} penggalian tiang, ^{Perenggan} penggalian dinding atau badan rumah dan ^{Perenggan} penggalian bumbung. Ketiga-tiga ^{Perenggan} penggalian ini masing-masing merangkumi bahan-bahan binaan. ^{Perenggan} Penggalian tiang terdiri daripada tiang-tiang yang banyak alas tiang, rasuk, bendul, tangga dan lain-lain lagi. Tata letak ukiran pada ^{Perenggan} penggalian ini biasanya terdapat pada tangga, iaitu anak tangga, kepala tangga dan paha tangga. Ukiran-ukiran juga terdapat pada bendul dan ukirannya dibuat memanjang bendul iaitu sebagai penutup di sebelah bawah supaya hujung lantai tidak kelihatan keluar. Ukiran-ukiran terdapat juga pada tiang, seperti di pergelangan kaki tiang dan di sebelah kepala tiang. Biasanya ukiran-ukiran tersebut dipanggil kumai tiang, gelang tiang, lorek tiang.

^{Perenggan} Di penggalian dinding atau badan rumah ukiran-ukiran sering terdapat pada dinding luar dan juga dinding pemisah ruang. Ukiran-ukiran dinding yang biasanya sering dipakai ialah ukiran-ukiran tebuk terus, ataupun juga ukiran-ukiran berkisi-kisi. Ukiran yang sedemikian

memberi pengedaran udara keluar masuk yang sempurna membolehkan hawa yang pengap di dalam dapat mengalir keluar melalui celah-celah lubang ukiran dan sebaliknya menukar udara bersih masuk ke dalam. Di pantai timur iaitu di negeri Kelantan dan Terengganu terdapat pula dinding-dinding berukir yang dipanggil dinding janda berhias dan juga dinding papan kembung, dinding yang sedemikian biasanya dipasang pada pemisah ruang yang terletak di sebelah dalam rumah.

Tata letak ukiran pada penggalan dinding atau badan rumah adalah lebih menonjol, kerana ia memberi satu gambaran akan status penghuninya. Dengan itu nilai seni ukirnya lebih bermutu jika dibandingkan dengan ukiran-ukiran yang terpasang di ^{perenggan} ~~penggalan~~ tiang. Pada penggalan dinding juga terdapat rumah berukir yang meletakkan ukiran pada kayu urus dinding, pada tingkap, pintu dan sebagainya.

135 lingga 159, 148A, 148B
(gambar) 158A 158B

Ukiran-ukiran yang terdapat di ^{perenggan} ~~penggalan~~ bumbung selalunya terdapat pada muka tebar layar, iaitu dinding tegak yang terpasang di sisi rumah, ukiran-ukiran yang terdapat di bahagian itu biasanya ukiran tebuk terus, kerana ia merupakan laluan dan pengedaran udara masuk dan keluar. Ukiran-ukiran juga terdapat di puncak rabung seperti ukiran yang dipanggil sisik naga, gunungan, ombak-ombak, sulur bayung bulu kumba dan sebagai lagi. Di negeri Kelantan dan Terengganu pula pada tepi puncak rabungnya dipasang pula kayu yang berukir, disebut kayu buton. Ini merupakan ciri-ciri khas bagi mengenal satu bentuk rumah Melayu di negeri tersebut, Biasanya butong sering terdapat pada rumah bentuk bujang barat dan rumah duduk

fesyen belanda yang sekarang ini saki bakinya yang berusia tua masih terdapat lagi di seluruh Kelantan dan Terengganu.

Demikian secara ringkas tata letak ukiran pada ~~bahan-bahan~~ ^{bahagian-bahagian} struktur bangunan rumah.

~~binaan rumah~~. Ukiran-ukiran tersebut mestilah pula disesuaikan

dengan fungsi dan bahan binaan itu sendiri dan tidak pula mengeneapkan

konsep serta aturan-aturan lain yang berkait dengan peraturan adat

resam, ^{nilai kecantikan, nilai guna dan sebagainya}

isi yang menjadi pegangan dan pusaka serta milik kebudayaan Melayu.

CAPTION

UKIRAN KAYU TRADISIONAL MELAYU

A. Halim Nair

Batu-batu Megalik di Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan, terdapat ukiran-ukiran berpahat yang melambangkan sesuatu kebudayaan-kepercayaan anamesma yang berkait rapat dengan pemujaan leluhur. Batu yang berbentuk kura-kura, suatu haiwan yang dimuliakan kerana mempunyai sifat-sifat kesabarab-dan tekun.

Batu yang dipanggil Kemudi, terdapat pahatan berukir menggambarkan beberapa bentuk haiwan yang menyurupi Rusa, kuda dan lain-lain bentuk yang kurang pasti.

Lukisan Pra sejarah di Batu Kukup (Rock Shelter), Gua Tambun dekat Ipon, Perak, terdapat lukisan lukisan yang menyurupi seperti binatang Duyung, Rusa, Kijang dan lain-lain haiwan yang kurang jelas idintinya.

Ukiran yang indah ini terpahat pada nisan Sultan Abdul Jamil, Sultan Pahang yang mangkat pada tahun 1511/12. Makam Sultan Pahang ini terdapat di Pekan Pahang.

5A Kaligrafi pada nisan Sultan Abdul Jamil.

4. Nisan bertulis kaligrafi pada nisan berusia tua yang dijumpai oleh pihak Musium di Seberang Tok Soh, Sungai Petani, dipercayai berumur lebih 300 tahun.

Makam Engku Perdana Menteri Limbat, seorang tokoh pemimpin di zaman Sultan Muhammad Pertama Kelantan, ukiran-ukiran pada binaan makam ini memperlihatkan kerja seni yang luar biasa dengan kehalusan pahatan yang begitu indah, oleh tukang-tukang ukir Melayu lebih 250 tahun lampau.

Masjid Kampung Hulu di Bandar Melaka, dibina kira-kira tahun 1728, Masjid yang berusia tua ini mempunyai ukiran-ukiran yang sangat indah dibahagian tertetu pada-bangunan- seperti di bumbung, pintu, tingkaplangit-langit dan lain-lain bahagian lagi.

Cop mohor yang diperbuat daripada logam ini tidak ketinggalan juga dihias dengan ukiran-ukiran yang berunsurkan kaligraf dan Geometri, Cop Mohor ini kepunyaan Engku Biru binti Sultan Muhammad Kelantan, bertarikh 1328 Hijrah (1910 masehi). Koleksi Musium Negara.

7A Cop Mohor Sultan Mansur Syah Kelantan, bertarikh 1322 hijrah (1904 m) Nilai-nilai estetika juga diberi perhatian. Koleksi Musium Negara. Cop Mohor ini kepunyaan Sultan Muhammad ketiga, Kelantan. bertarikh

- 6A. Nasjid Kampung Hulu di Bandar Melaka, dibina kira-kira tahun 1728, masjid yang berusia tua ini mempunyai ukiran-ukiran yang sangat indah di bahagian tertentu seperti di bumbung, pintu, tingkap, langit-langit dan lain-lain bahagian lagi.
- 7B. Cop Mohor Sultan Mansur Syah Kelantan, bertarikh 1322 Hijrah (1904 M). Nilai-nilai estetika juga diberi perhatian. - Koleksi Muzium Negara.
- 7A. Cop Mohor yang diperbuat daripada logam ini tidak ketinggalan juga dihias dengan ukiran-ukiran yang berunsurkan kaligrafi dan geometri. Cop Mohor ini kepunyaan Engku Biru binti Sultan Muhammad Kelantan, bertarikh 1328 Hijrah (1910 M) - Koleksi Muzium Negara.
7. Cop Mohor ini kepunyaan Sultan Muhammad Ketiga, Kelantan, bertarikh 1308 H (1890 M), terdapat juga unsur-unsur geometri dan kaligrafi.
- 7C. Meriam Lela buatan orang Melayu, alat perang ini juga tidak ketinggalan diberi ukiran yang melambangkan kepintaran dan kebijaksanaan orang-orang Melayu di abad-abad yang lampau.
8. Alat-alat logam yang digunakan di dalam keperluan rumah terukir dengan bentuk-bentuk yang melambangkan ketekunan, kesabaran dan kehalusan budi orang Melayu. - Koleksi Muzium Negara.
- 8A. Mimbar Masjid Abu Bakar, Johor Bharu, terhias dengan ukiran-ukiran yang melambangkan identiti zaman tradisi Johor.
9. Keris merupakan lambang kemegahan orang-orang Melayu di zaman tradisi, kini keris yang berukir halus pada ulu, sarung dan mata keris memberi satu daya tarikan yang mempersonakan para peminat barang-barang antik.
- 8B. Ukiran-ukiran daripada bahan besi pada cungku bumbung sebuah makam lama di Kompleks Makam Diraja Langgar, Kedah.

- 7C. Meriam Lela buatan orang Melayu, alat perang ini juga tidak ketinggalan diberi ukiran yang melambangkan kepintaran dan kebijaksanaan orang-orang Melayu di abad-abad yang lampau.
8. Alat-alat logam yang digunakan di dalam keperluan rumah terukir dengan bentuk-bentuk yang melambangkan ketekunan, kesabaran dan kehalusan budi orang Melayu. Koleksi Muzium ⁴⁴egara.
- 9A. Member Masjid Abu Bakar, Johor Bharu, terhias dengan ukiran-ukiran yang melambangkan idintiti zaman tradisi Johor.
9. Keris merupakan lambang kemegahan orang-orang Melayu di zaman tradisi, kini keris yang berukir halus pada hulu dan sarung dan juga mata keris memberi satu tarakan=~~daya~~ daya tarikan yang mempersonakan para meminat barang-barang ~~antek-~~ antik.
10. Ukiran-ukiran juga terhias pada alat pembunuh yang digunakan di zaman tradisi, ~~alat-lambung-ini~~ kini alat lembing warisan budaya Melayu ini hanya tersimpan di Muzium sebagai barang tuntunan.
11. Masjid Tok Tuan di Kemaman yang dibina seratus tahun lampau, atas puncak bumbungnya yang dipanggil Mahkota Atap terdapat ragam hias berukir daripada tembaga, merupakan lambang keteguhan iman masyarakat Melayu Islam.
12. Rumah Bentuk Jimas di Kuala Besut, Terengganu, terdapat ukiran-ukiran pada cucuran atap.
- 8B Ukiran-ukiran daripada bahan besi pada cungkup bumbung sebuah makam lama di komplek makam di raja Langgor, Kedah.
13. Pintu Gerbang sering terdapat pada rumah-rumah orang Melayu yang berada, terutama sekali di Kelantan dan terengganu, Pintu gerbang melambangkan kesumpnaan, kebesaraan, kerukunan, penawar dan pelindung kepada penghuni serta tetamu yang datang, tujuan dibuat memberi tahu kepada tetamu ia harus masuk melalui pintu gerbang, jika seseorang itu masuk tidak ikut pintu gerbang maka tetamu itu mempunyai sifat yang bercangah dengan adat kesopanan, pintu gerbang juga menunjukkan ciri-ciri kedudukan dan mertabat yang punya rumah. Oleh itu pintu gerbang harus diukir dengan indah.

- I3A. Surau Haji Ahmad di Kampung Makam Langgar, Kedah, Surau yang berasal dari rumah kediaman ini terhias dengan ukiran-ukiran yang begitu indah di dinding, tingkap, pintu dan juga lain-lain bahagian rumah.
- I3B. Kayu berukir yang dipanggil Buton, dipasang pada puncak mahkota atap, pada Surau Haji Ahmad, Ragam hias ini melambangkan sebuah bentuk binaan yang berfungsi, sama juga dierti kan seperti nisan pada perkuburan ia memberi satu tanda bahawa jasad bersemadi di dalamnya.
- I4. Ukiran-ukira juga terdapat pada bangunan wakaf, sebagai satu tanda bangunan yang berfungsi untuk kepentingan orang ramai.
- I5. Bangunan Pavilion Kelab Polo di Kuala Kangsar, Bangunan yang didirikan dalam tahun 1920 ini memperlihatkan ukiran-ukiran yang sungguh menarik terpasang di kayu cucuran atap tulang perabung dan puncak bumbung, ukiran-ukiran ini melambangkan ketenangan dan kewibawaan zaman pemerintahan Sultan Iskandar Syah (1918-1938).
- I6. Ukiran-ukiran yang terdapat pada ruang di dalam Masjid Abidin, Masjid yang dibina ~~sebelum tahun 18~~ pada zaman pemerintahan Sultan Abidin ke dua (1793-1948+1808 M)
- I6. Ukiran-ukiran yang terdapat pada dinding ruang dalam masjid Abidin, Kuala Terengganu, ukiran ini memperlihatkan kebijaksanaan pengukir-pengukir di zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin kedua (Marhum Masjid 1793-1808M).
- I7. ~~Ukiran-diatas-kepala-pintu~~
Salah satu ukiran yang dipasang diatas kepala pintu masjid Abidin, Kuala Terengganu.
- I8. Nimbar Masjid tua kampung Laut,

10. Ukiran-ukiran juga terhias pada alat pembunuh yang digunakan di zaman tradisi, kini alat lembing warisan budaya Melayu ini hanya tersimpan di Muzium sebagai barang tontonan.
11. Masjid Tok Tuan di Kemaman yang dibina seratus tahun lampau, atas puncak bumbungnya yang dipanggil Mahkota Atap terdapat ragam hias berukir daripada tembaga, merupakan lambang keteguhan iman masyarakat Melayu Islam.
12. Rumah bentuk limas di Kuala Besut, Terengganu, terdapat ukiran-ukiran pada ceduran atap.
13. Pintu gerbang sering terdapat pada rumah-rumah orang Melayu yang berada, terutama sekali di Kelantan dan Terengganu. Pintu gerbang melambangkan kesempurnaan, kebesaran, kerukunan, penawar dan pelindung kepada penghuni serta tetamu yang datang, tujuan dibuat memberitahu kepada tetamu ia harus masuk melalui pintu gerbang, jika seseorang itu masuk tidak ikut pintu gerbang, maka tetapi itu mempunyai sifat yang bercanggah dengan adat kesopanan, pintu gerbang juga menunjukkan ciri-ciri kedudukan dan mertabat yang punya rumah. Oleh itu pintu gerbang harus diukir dengan indah.
- 13A. Surau Haji Ahmadi di Kampung Makam Langgar, Kedah. Surau yang berasal dari rumah kediaman ini terhias dengan ukiran-ukiran yang begitu indah di dinding, tingkap, pintu dan juga lain-lain bahagian rumah.
- 13B. Kayu berukir yang dipanggil Buton, dipasang pada puncak mahkota atap, pada surau Haji Ahmad, ragam hias ini melambangkan sebuah bentuk binaan yang berfungsi, sama juga diertikan seperti nisan pada perkuburan ia memberi satu tanda bahawa jasad bersemadi di dalamnya.
14. Ukiran-ukiran juga terdapat pada bangunan wakaf, sebagai satu tanda bangunan yang berfungsi untuk kepentingan orang ramai.

15. Bangunan Pavilion Kelab Polo di Kuala Kangsar, bangunan yang didirikan dalam tahun 1920 ini memperlihatkan ukiran-ukiran yang sungguh menarik terpasang di kayu ocouran atap tulang perabung dan puncak bumbung. Ukiran-ukiran ini melambangkan ketenangan dan kewibawaan saman pemerintahan Sultan Iskandar Syah (1918-1938).
16. Ukiran-ukiran yang terdapat pada dinding ruang dalam Masjid Abidin, Kuala Terengganu. Ukiran ini memperlihatkan kebijaksanaan pengukur-pengukir di zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin Kedua (Marhum Masjid 1793-1808 M).
17. Salah satu ukiran yang dipasang di atas kepala pintu Masjid Abidin, Kuala Terengganu.
18. Mimbar Masjid Tua Kampung Laut, berusia lebih 250 tahun, terdapat ukiran-ukiran berunsurkan kaligrafi dan tumbuhan yang ditunjukkan oleh pengukir dengan begitu cemerlang. Mimbar bersejarah ini masih digunakan di Masjid Pasir Pekan, Kelantan.
19. Mimbar Masjid Sebatu, Melaka, terdapat unsur-unsur ukiran pengaruh Jawa.
20. Mimbar Masjid Lama Paloh, di bandar Ipoh, dihias dengan ukiran-ukiran pokok bunga dan guci serta ukiran-ukiran kuntum bunga tanjung, ia melambangkan kesejahteraan dan tatatertib.
21. Singgahsana dari negeri Perak, dengan ciri-ciri ukiran tempatan yang melambangkan kesetiaan antara raja dan rakyat.
- 22 & 22A. Binaan makam yang berukir ini dijumpai di tapak asal masjid Kampung Laut. Ianya dapat diselamatkan dalam banjir besar pada tahun 1960-an.

23. Ukiran kaligrafi pada tutup makam berusia lebih 100 tahun di Makam Cik Siti ~~Bunggai~~ di Banggal, Kelantan.
24. Perahu-perahu tradisional di Kelantan dan Terengganu biasanya mempunyai ragam hias berukir yang dipanggil Bangau.
- 24A. Ukiran-ukiran pada congkak, sebuah alat permainan masa lapang.
- 24B. Meja berukir dari Besut yang diukir oleh Haji Wan Su, Besut, Terengganu.
- 24C. Rehal berukir koleksi Muzium Negara.
- 24D. Jebak puyuh yang berukir dari Kelantan, koleksi Muzium Negara.
25. Rebab, alat permainan tradisional juga berukir indah.
26. Ukiran pada penjuru dan kaki bendul pada sebuah rumah berusia tua di Tapah, ukiran bermotif kepala cicak.
- 26A. Ukiran tetupai pada sebuah rumah tradisional di Tumpat, Kelantan.
27. Ukiran bermotif kepala cicak di para dapur dan juga pada kaki oucuran atap, ia memberi semangat dan penjaga rumah dari segala perbuatan ilmu jahat yang ditujukan kepada penghuni rumah.
28. Ukiran-ukiran pada dinding ruang dalam pada sebuah rumah berusia tua di Kelantan.
- 28A. Ukiran menggabungkan unsur tumbuh-tumbuhan dan kaligrafi.
- 28B. Masjid Kampung Keling, Melaka, mempunyai ukiran-ukiran di bahagian dalam dan luar bangunan.

28C. Menara Masjid Abidin, Kuala Terengganu, terdapat ukiran-ukiran kayu di sebelah dalam masjid.

29. Istana tua di Kampung Raja, Besut, mempunyai ukiran yang sangat menarik.

29A. Balai Besar Kedah yang berukir.

30.

31.

32A & 32B

Gambaran oleh penulis Istana Sultan Iskandar Syah di Pulau Indera Sakti, Perak.

33. Istana Balai Besar, Kelantan, dibina kira-kira pada tahun masihi 1840-an.

34. Istana Balai Besar ini mempunyai ukiran-ukiran yang sangat bermutu tinggi.

35. Anjung Istana Balai Besar, Kelantan.

36. Ukiran-ukiran di bahagian hadapan anjung Istana Balai Besar, Kelantan.

37. Ukiran pada dinding dalam Istana Balai Besar, Kelantan.

38. Ukiran pada dinding dalam Istana Balai Besar.

37 & 38. Ukiran-ukiran yang terdapat pada dinding Balai Rong Seri, Istana Balai Besar, Kelantan.

- 38A. Ukiran pada kaki bendul di Istana Jahar, Kelantan.
39. Istana Balai Besar, Kelantan yang penuh dengan ukiran yang tinggi mutunya.
- 39A. Istana Kolang, di Kuala Terengganu, merupakan sebuah istana yang tidak lagi berfungsi sebagai istana raja, istana ini mempunyai ukiran-ukiran yang sangat menarik.
- 39B. Ukiran puok rebung pada cucuran atap di Istana Kolang.
40. Istana Satu di kawasan Muzium Negara, iaitu bekas istana lama dari Terengganu, terdapat ukiran-ukiran yang menarik pada istana tersebut.
41. Ukiran pada dinding hadapan Istana Satu.
- 42.
- 43.
44. Ukiran pada dinding tepi Istana Satu dengan ukiran tebuk terus, ianya dapat memberi pengedaran udara keluar masuk.
45. Ukiran tebuk terus yang terdapat pada Istana Satu.
46. Ukiran-ukiran dari Istana Satu.
47. Ukiran daripada Istana Satu.
48. Ukiran daripada Istana Satu.
49. Ukiran dinding pada Istana Satu.
- 50.

51. Rumah Limas Bungkus di Kemaman, terdapat ukiran-ukiran di kepala tingkap dan pintu.
52. Sebuah rumah berusia tua di Kuala Terengganu, ukiran dipasang pada dinding.
53. Rumah Bujang Selasar di Kuala Terengganu.
54. Ukiran di kepala pintu pada Masjid Tua Kampung Raja, Besut, Terengganu.
55. Ukiran pada dinding luar di sebuah rumah berusia tua di Terengganu.
56. Daun tingkap berukir
56. Ukiran pada daun tingkap dari Terengganu.
57. Rumah Bumbung Panjang di Kangar, Perlis, berusia lebih 100 tahun, terdapat ukiran-ukiran yang menarik.
- 57A. Ukiran pada kisi-kisi rumah Bumbung Panjang Perlis.
- 57B.
- 57C. Rumah Bumbung Limas di Perlis, terdapat juga ukiran.
- 57D. Kelihatan ukiran-ukiran di pinggir encuran atap.
58. Balai Besar Kedah dibina lebih 100 tahun lampau.
- 58A. Ukiran pada tiang Balai Besar Kedah.
- 58B.
- 58C. Ukiran-ukiran pada dinding pemisah ruang lepan dan ruang ibu, rumah Panjang Kedah, di Kodiang Lama.

- 59.
- 60.
61. Istana Kenangan di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, terdapat ukiran-ukiran di cucuran atap, bendul, tingkap, tangga, dinding dan lain bahagian rumah. Istana ini telah dijadikan Muzium Diraja Perak.
- 62A. Ukiran-ukiran di kaki bendul dan tangga Istana Kenangan (Muzium Diraja Perak).
- 61D. Lebah Bergantung pada rumah Kutai, di Perak, memberi rasa aman dan banyak anak bagi penghuni rumah. Jika ragam hias ini terjatuh, ia memandakan satu bala akan menimpa isi rumah, oleh itu satu upacara tolak bala harus dibuat.
62. Rumah Baitul Rahmah di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.
63. Kisi-kisi berukir di anjung Rumah Baitul Rahmah.
64. Ukiran yang begitu menarik pada dinding dalam Rumah Baitul Rahmah di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
65. Bekas Istana Lama di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, ukiran-ukiran terdapat di bahagian bumbung.
- 66 $\frac{3}{4}$. Ukiran pagar tinggalung pada kisi-kisi tangga Istana Kenangan (Muzium Diraja Perak).
67. Ukiran ayam berlaga.
68. Bekas Istana Lama Ampang Tinggi di Seremban, Negeri Sembilan, dibina pada masa pemerintahan Yam Tuan Ulin (1860-an).
- 68A. Ukiran pada tetupai dan bendul Istana Lama Ampang Tinggi.

II.

80. Ukiran pada tingkap sebuah rumah di Sungai Chincin, Gombak.
- * 81, 82, 83, 84, 85. Ukiran-ukiran dari sebuah rumah berusia batu \$ 4, Gombak, ukiran ini ditukangkan oleh pengukir-pengukir yang datang dari Ninangkanau, kira-kira dalam tahun 1920 han.
86. Rumah Tradisional Melayu Pahang di kampung Tebing Tinggi, Temerloh, Rumah yang berusia lebih setarus tahun ini sudah banyak ukiran-ukiran yang menah.
- 86 A ~~Ukiran-ukiran~~ Bentuk-bentuk ukiran yang terdapat pada rumah tradisional Pahang (1) ukiran pada hujung rasuk, (2) ukiran pada hujung rasuk (3) ukiran pada tingkap serambi.
- 86C. Tingkap dibahagian ke dinding hadapan serambi rumah pada sebuah rumah di kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling, Ukiran mengambil contoh Kembang Tanjung, melambangkan selamat datang dan sejahtera.
- 86B. Rumah Tradisional Melayu Melaka di Pantai Kundur, biasanya rumah yang berusia tua sering dihias dengan ukiran-ukiran yang mengandungi palasafah tertentu.
87. Rumah Tradisional Melayu Melaka di kampung Pantai Kundur (Pantai Komang) ini sudah diubah sesuai kedudukan tangga, namun struktur yang asal yang diselit dengan ukiran ukiran tetap masih asli.
88. Ukiran-ukiran di serambi di rumah Melayu Melaka melambangkan keharmonian dan dap persahabatan dan rasa bertimbang rasa terhadap tetamu.
89. Rumah duduk Cik Zainab binti Mat Yasin Kampung Bukit Godek, Melaka, rumah yang dibina kira-kira 60 tahun lampau ini dihias dengan ukiran-ukiran di bahagian serambi.
- 90, 91. Ukiran-ukiran di Kepala tingkap dengan ukiran tebuk terus berasal dari Melaka.
92. Ukiran pokok bunga mata hari yang terdapat di dinding papan kembang pada rumah Cik Zainab binti Mat Yasin

- 93,94 Ukiran-ukiran separuh tebuk dengan unsur bunga mata hari, didinding serambi rumah CikZainab binti Mat Yasin.
95. Suasana gembira di rumah Cik Zainah
- 96.
97. Rumah duduk Enoik Tahir bin Daeng ^{Al}ustafa di Parit Pecah, Muar, rumah yang berunsur seni bina Rumah Adat Bugis ini memaparkan seni ukiran yang bagitu hebat disegenap bahagian rumah, seperti di serambi (Rangkiang) dinding Bilik, Tingkap, langit dan juga bumbung. inilah satu-satunya rumah Melayu Bentuk Rumah Adat Bugis yang terdapat di Malaysia, umur rumah ini lebih setarus tahun.
- 98
98. Rumah Adat Bugis di Parit Pecah, Muar, dipandang dari arah sisi.
99. Ukiran-ukiran pada rumah Limas Riau di Johor.
- I000
- I01 Rumah Limas Riau di Johor.
- I02 Ukiran separuh tebuk, biasanya sesuai untuk perabut dan dinding sebelah dalam.
- I03. Ukiran Tebuk Terus, sesuai pada dinding luar dan tingkap, ukiran seperti ini sesuai== dapat memberi ~~baluan-adars-kehuas-masuk~~ pengedaran udara bersih masuk ke ruang dalam/pengaliran udara pengap mengalir keluar, dengan itu penghuni dalam rumah beroleh keselesaan dan menghindarkan perkara buruk yang merugikan kesihatan.
- I04A. Pola Bujang dengan mengambil contoh Putu.

- I05. Pola Bujang dengan kuntum BungaGengkeh
- I05D.A PolaBujang dengan unsur Bunga Matahari
- I05B Pola Bujang dengan motif Parang Rosak,terdapat pengaruh dari Jawa ukiran seperti ini.
- I05D PolaBujang dengan unsur BungaCina
- I05E. PolaBujang dengan unsur Bunga Matahari.
- I06. PolaPemidang dengan unsur Geometri.
- I07. PolaBujang dengan unsur Geometri disesuaikan dengan dind dinding kisi di bahagian dinding luar.
- I08.
- I09
- I00
- I01 Ukiran daripada Kelantan dan Patani dengan unsur Pola Lengkap ,merangkaikan unsur pokok Kerak Nasi-gambar
- II2. PolaLengkap dengan unsur tumbuhan.
- II3. Pola Lengkap dengan BungaSimpoh
- II4. Ukiran tebuk terus dari Kelantan
- II5 Ukiran dari Kelantan dengan Bunga Simpoh.
- ~~II6.~~
- II5A Ukiran tebuk terus dipakai pada kepala tingkap dan juga daun pintu,berasal dari Besut, Terengganu.
- II6. Ukiran dengan unsur Keladi Biak(Keladi Bunting),ukiran ini dipakai pada kepala tingkap di bahagian rumah tengah ,berasal dari Melaka.
- II7. Ukiran dari Kelantan.
- II8. Ukiran bermotif Kepala Cicak,dipasang pada kaki para dan juga penjuru bendul,ia diibaratkan sebagai penunggu rumah dari segala ilmu jahat ,ukiran-ukiran seperti ini semakin pupus apabila datangnya pengaruh Islam,walaupun bagaimana pun bentuk-bentuk ini masih terdapat pada rumah-rumah berusia tua di negeri Perak,terutama di Perak Utara dan Selatan ,gambar ini diambil pada sebuah rumah di kampung Batu Melintang, Tapah Perak.
- II9. Ukiran bermotif Kuda Laut ,sesuai dipakai pada dinding serambi sebagai menggantikan kisi.-kisi.

- I20. Rumah Tradisional Melayu di Merlimau, kelihatan ragam hias dengan bentuk-bentuk haiwan di bumbung anjung.
- I20A. Ukiran-ukiran di perahu tradisional yang terdapat di Kelantan dan Terengganu, dipanggil Bangau.
- I21. Ukiran dengan unsur Bintang pada dinding Tebar layar
- I22. Ukiran matahari di dinding tebar layar pada rumah Limas Bugis di Benut, Johor.
- I23. Ukiran Matahari di tebar layar rumah tradisionani Melayu di Kampung Asam Jawa, Kuala Selangor.
- I24. Ukiran-ukiran pada Mimbar Masjid dan juga ruang dalam masjid sering memakai unsur Geometri dan kaligrafi.
- I25. Ukiran kaligrafi dari Kelantan bertarikh 1305 hijrah
- I26. Ukiran kaligrafi pada tingkap masjid tua kampung Raja Besut, Terengganu, berusia lebih satu abad.
- I27. Ukiran kaligrafi pada pintu gerbang disebuah rumah berusia tua di jalan Pos Opis, Kota Bharu, Kelantan.
- I28, I29, I31. Ukiran-ukiran kaligrafi dengan gabungan unsur tumbuhan pada dinding rumah berusia tua di kampung Pulau Besar, Kota Bharu, Kelantan, berusia lebih satu abad.
- I30. Ukiran kaligrafi pada dinding pemisah ruang tamu dengan ruang dalam di sebuah rumah berusia jalan Pos Opis Kota Bharu, Kelantan.
- I32, I33. Ukiran tebuk terus dengan unsur tumbuhan.
- I35. Ukiran pada kisi-kisi di rumah Melayu Melaka kampung Ayer Leroh,
- I35A. Ukiran-ukiran pada dinding papan kembang di dinding pemisah ruang pada rumah berusia tua kampung Pulau Besar, Kelantan.
- I36. Ukiran di kepala tiang sebuah rumah di Merlimau, dengan motif Kepala Kumbang dan daun Luntar.
- I37. Ukiran papan kembang pada dinding rumah tiang dua belas di kampung Tok Tumpang, Kelantan.
- I38. Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan, saki baki rumah tradisional yang kian pupus di Kelantan dan juga di Terengganu.

- I39. Seorang pengukir dari Kelantan sedang menyiapkan ukiran pada papan pemflig yang akan digunakan pada bangunan tradisional di belakang Musium sementara Kelantan.
- I40. Ukiran-ukiran pada tebar layar rumah berusia tua di kampung Pulau Besar, Kelantan.
- I41. Ukiran kepala cicak pada anjung atap rumah limas Bugis di Bemut, Johor.
- I42. Ukiran-ukiran pada kisi-kisi tanga rumah Baitul Rahmah di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
- I43. Ukiran-ukiran pada dinding rumah berusia tua di jalan Patani, Kuala Terengganu.
- I44. Rumah berusia tua di Kuala Terengganu, rumah semacam kiam pupus dengan ukiran-ukirannya.
- I45. Ukiran-ukiran pada dinding sisi rumah tiang dua belas di jalan Abidin, Kuala Terengganu.
- I46. Ukiran-ukiran pada dinding dan kepala pintu di rumah berusia tua jalan Pos Ops lama, Kota Bharu, Kelantan.
- I47. Ukiran di kepala pintu dari Kelantan.
- I48. Ukiran-ukiran yang menghias bahagian Anjung rumah Baitul Rahmah, di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
- I49. Ukiran pada daun pintu dari Kelantan.
- I50. Ukiran pada kepala pintu sebuah rumah berusia tua di Kampung Hilir, Kuala Terengganu.
- I50A. Ukiran pada papan kaki cucuran atap, dengan unsur daun luntar, pada sebuah rumah di Melaka.
- I52. Ukiran pada tetupai rumah tiang dua belas di Kampung Tok Tumpang, Kelantan.
- I53. Ukiran-ukiran di kaki bendul dengan motif kupu-kupu ukiran-ukiran juga terdapat di papak kaki cucuran atap Istana Kenangan (Musium Di Raja Perak', Bukit Chandan Kuala Kangsar).
- I54. Rumah kedai di Pasir Putih, Kelantan, terdapat ukiran-ukiran di dinding.
- I55. Ukiran-ukiran pada tingkap dan tebar layar rumah tiang dua belas di Kampung Tok Tumpang, Kelantan.

GLOSSARY

- ALANG PANJANG** - Kayu panjang yang menjadi pemisah antara penggalan bumbung dengan penggalan dinding, di rumah Kutai Perak biasanya pada hujung Alang Panjang dipasang ragam hias yang di panggil Lebah Bergantung.
- ALANG PENDEK** - Kayu panjang yang letaknya melintang di bahagian arah Tebar Layar (Tubing layar), letaknya sama dengan Alang Panjang, iaitu sebagai pemisah penggalan dinding dengan penggalan bumbung.
- ALANG BUANG** - Kayu panjang yang letaknya selari dengan alang pendek, biasanya terdapat pada rumah Tradisional Melayu Bumbung Panjang, Alang buang dan alang Pendek berfungsi sebagai pengalas lantai Alang Buang yang menempatkan ambin atau para alang buang.
- ALANG PINTU** - Kayu yang berukuran kira-kira 60-90cm., terletak atas kepala pintu, biasanya berfungsi sebagai bingkai pada ukiran, jika sekiranya ukiran dipasang disitu.
- ALANG TINGKAP** - Kayu berukuran kira-kira 50-70cm., terletak atas kepala tingkap, berfungsi sebagai bingkai jika ukiran dipasang disitu.
- ALAS TIANG** - Disebut juga kaki tiang, berfungsi sebagai pengalas atau pelapik kaki tiang, Rumah-rumah tradisional di Kelantan dan Terengganu terdapat alas tiang daripada kayu yang berukir, disebut Kaki Cermin, biasanya ukiran-ukiran pada kaki Cermin dikenal dengan nama Kumai Kaki Cermin.
- ANAK TANGGA** - Kayu atau papan yang dipasang sebagai pemijak untuk turun naik ke rumah, ada juga terdapat

- ANJUNG** - Ruang yang terletak disebelah hadapan rumah, biasanya bersebelahan dengan ruang serambi, di negeri Kedah dan Perlis ruang Anjung Tangga disebut juga Rumah Tangga, ruang ini Ruang ini berfungsi sebagai ruang tamu, anjung pada rumah-rumah tradisional biasanya berukir pada pada tingkap dan pintu.
- AWAN BOYAN** - Ukiran yang berarak dan berlingkar-lingkar seperti awan berarak, hanya satu bentuk ukiran terdapat di Negeri Sembilan .
- AWAN LARAT** - Satu bentuk ukiran yang berlinkar-lingkar, berpiuh-piuh, meleret-leret seperti awan piuh berarak. Biasanya ukiran ini digabungkan dalam Pola Lengkap.
- AWAN TELIPOK** - @Sejenis ukiran yang bersilat-silat, bergulung-gulung seperti awan, dengan mengambil unsur bunga sejenis bunga Teratai Kecil. Ukiran ini kebanyakan terdapat di Negeri Sembilan dan Minangkabau.
- AWAN JAWA** Ukiran yang hampir menyurupi Awan Boyan, ukiran ini terdapat disebelah selatan Semenanjung Malaysia.
- AWAN SA^oNAYANG** Ukiran yang hampir menyurupi Awan Larat, biasanya dibentuk melengkung, disesuaikan pada alat perhiasan diri.
- AYAN BERLAGA** - ukiran dari unsur tumbuh-tumbuhan yang mengambarkan seperti bentuk dua ekor ayan sedang berlaga, ukiran yang mengandungi palasafah ini mengandungi palasafah , memberi ingat bahawa manusia tidak harus bercakaran antara satu sama lain, sesuatu masalah harus diselesaikan dengan rasa sepahaman dan teloransi, biasanya ukiran ini diletakan di tangga atau di tempat yang mudah dilihat.

- ADAT PERPATIH** - Suatu adat yang masih diamal oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, berasal dari aturan Adat di Minangkabau.
- BUTON** - Kayu berukuran kira-kira dari 60cm. hingga 100 cm. dipasang pada puncak bumbung, terutama sekali rumah-rumah bentuk Limas di Negeri Terengganu, Kelantan, Kedah dan Johor, Buton ialah lambang sebuah bentuk binaan yang berfungsi, sama juga seperti Nisan pada makam, Kayu Buton memberi erti bahawa satu tanda dari satu bentuk bangunan yang manusia sentiasa bergerak dan hidup, bagi setengah-setengah kepercayaan bahawa jika sekiranya kayu Buton terjatuh atau dipanah petir ia menandakan satu mala petaka akan menimpa seisi rumah. Dari bahasa Bugis, yang bererti Bulu di dahi Gajah, nama ini diberi pada satu bentuk ukiran yang dipasang pada puncak tebar layar atau anjung bumbung pada rumah Adat Bugis atau terdapat juga pada Rumah Limas Bugis di Negeri Johor.
- BUJANG BARAT** - Satu bentuk rumah yang terdapat di Negeri Terengganu, Kebanyakan bentuk rumah ini ada memasang kayu Buton .
- BATU ACEH** - Satu bentuk batu nisan yang berukir dan sering tertulis dengan huruf-huruf khat (kaligraf). nisan jenis ini biasanya terdapat pada makam-makam Raja Melayu di Semenanjung Malaysia, dan Kulam Sumatera pada kurun ke tiga belas hingga kurun ke lapan belas.
- BATU BERSURAT TERENGGANU** - Batu bersurat yang dijumpai di tebing Sungai Tersat, Kuala Berang, Hulu Terengganu,

BADAK MUDIK

Ukiran yang mengandung palasafah, berasal dari Minangkabau, juga terdapat di Negeri Sembilan, ukirannya memperlihatkan bentuk-bintang Badak yang diukir berderet dalam bentuk Pola Bujang, bentuknya tidak lagi jelas sebagai binatang Badak, ini mungkin pengaruh Agama Islam yang datang kemudian, Ukiran berasal dari minangkabau, juga terdapat di Negeri Sembilan. Pengertiannya ialah manusia harus mencari kesenangan hidup mengumpul harta dengan tidak mengabaikan kebajikan masyarakat dan agama.

BATAK

Suku bangsa yang terdapat di daerah Batak, Sumatera utara, Indonesia, masih kuat terikat dengan adat resam yang unik.

BERUK BERGAYUT

Sejenis ukiran yang berasal dari Minangkabau, disebut juga Beruek Bergayut, Ukiran yang mengandung palasafah ini sukar di lihat di Malaysia.

BANJAR

Suku bangsa Melayu yang berasal dari Banjarmasin, Indonesia, di Malaysia penempatan suku ini terdapat di beberapa tempat, seperti di Perak, Kedah, Johor dan lain-lain tempat.

BADAN RUMAH

Penggalan atau bahagian pada bangunan rumah tradisional Melayu, kiraan badan rumah ialah dari lantai hingga ke paras Alang, penggalan inilah ini terdapat pintu, tingkap serta dinding dalam dan luar, ukiran-ukiran biasanya lebih diberi perhatian pada penggalan ini.

BENDUL

Kayu yang dipasang di sekeliling bangunan rumah tradisional, terletak di pembahagian penggalan tiang dengan penggalan badan rumah. Biasanya rumah-rumah berusia tua terdapat kayu penggalan bendul yang dipanggil 'tetupai bendul', rumah-rumah berusia tua biasanya tetupai bendul diberi berukir.

BANIR RABUNG

Kayu panjang lurus mendatar terletak di puncak pertemuan dua tutup bumbung. Ada rumah-rumah berusia tua di Selangor, Negeri Sembilan dan Johor menyelitkan ukiran pada kayu banir tersebut. Banir rabung juga disebut tulang perabung atau tulang rabung.

BUJANG SELASAR

Satu bentuk rumah bujang yang terdapat di Kelantan dan Terengganu. Bangunan induknya terletak atas enam tiang utama, manakala ruang selasar terletak di hadapan. Ruang ini tidak berding, cuma disekat dengan kisi-kisi berukir.

BUNGA CENGKIH

Ukiran yang mengambil unsur dari kuntum bunga cengkih, sejenis tumbuhan yang kuntum bunganya dibuat sebagai bahan ramuan atau perasa makanan dan ubat-ubatan. Ukiran bunga cengkih selalunya diukir dalam bentuk pola bujang.

BUNGA NAWAR

Ukiran yang mengambil unsur bunga nawar, sejenis tumbuhan yang sering terhias di perkarangan dan taman. Bunga yang berkelopak tujuh ini melambangkan penawar menolak segala mentera jahat dan guna-guna.

BUNGA TANJUNG

Ukiran yang mengambil unsur bunga tanjung, melambangkan selamat datang.

- BUNGA MELATI** Ukiran yang mengambil unsur bunga melati melambangkan adat sopan santun.
- BUNGA MATAHARI** Ukiran dari unsur bunga matahari, biasanya dipakai pada pola bujang.
- BUNGA LAWANG** Bunga dari sejenis tumbuhan dibuat rumah masakan dan ubatan, unsur bunga ini sering terdapat pada ukiran pola bujang.
- BUNGA TERATAI** Sejenis tumbuhan di air, ukiran ini melambangkan keteguhan iman, kesucian, ketabahan dan kerukunan.
- GENGAL** Sejenis pokok yang baik untuk membuat rangka rumah dan juga ukiran.
- CUCURAN ATAP** Bahagian terke bawah dari atap juga disebut pekakian atap, biasanya di bawah cucuran atap dipasang papan berukiran yang disebut cepu kasau atau papan fascia.
- DONG-S'ON** Sejenis alat tembaga seperti gendang yang mewakili saman logam. Dong-s'on mengambil sempena nama sebuah tempat di Vietnam yang mula-mula dijumpai gendang Dong-s'on.
- DINDING PAPAN KEMBUNG** Dinding berukir yang selalunya terdapat pada rumah berusia tua di Kelantan dan Terengganu.
- DINDING JANDA BERHIAS** Dinding berukir lebih kurang sama dengan dinding papan kembang, kebanyakan ukiran ini terdapat pada istana kayu di Kelantan dan Terengganu.
- BUNGA MELATI**

GELUNG KEMBAR

Ukiran berbentuk wajik, biasanya terdapat pada daun pintu dan tingkap, ukiran yang berpengaruh Jawa ini jarang-jarang terdapat dalam seni ukiran Melayu di Semenanjung Malaysia.

REMBAT

Rembatan atau rembat, kayu palang dari tiang ke tiang yang terdapat pada setengah-setengah rumah tradisional di Kelantan dan Terengganu, biasanya berukir pada hujungnya.

GUNUNGAN

Ukiran yang berbentuk seperti Meru atau gunung yang dibentuk bersambung-sambung, disebut juga gunung bertuah, dengan mengambil unsur 'tumpal', ukiran ini selalunya dipakai pada latar belakang alat pelamin, kain songket.

GELEGAR

Disebut juga galang getar, atau alang lantai berfungsi sebagai penahan lantai rumah supaya tidak melentur.

ITIK PULANG PETANG

Satu bentuk ukiran yang bermotif itik, mengandungi falsafah berbentuk nasihat, itik yang pulang ke reban pada waktu petang biasanya berdebat dan yang kemudian biasanya tidak pernah mendahului yang di hadapan. Oleh itu manusia harus mengikut cara itik pulang pada waktu petang, manusia sebolehnya patuh kepada pemimpin yang baik dan bijak. Ukiran ini berasal dari Minangkabau dan dianggap ukiran yang terpengaruh dengan aturan adat Minangkabau, di Negeri Sembilan juga masih terdapat ukiran sedemikian.

ISTANA KENANGAN

Sebuah istana berusia tua, terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Sekarang dijadikan Muzium Diraja Perak.

ISTANA KOLAM

Sebuah istana lama yang diperbuat daripada kayu terletak di Kampung Kolam, Kuala Terengganu. Istana ini dibina pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1919).

**ISTANA LAMA SERI
MENANTI**

Istana kayu yang dibina pada tahun 1902, terletak di Seri Menanti, Negeri Sembilan. Bekas istana yang digunakan sebagai tempat bersemayam Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

ISTANA AMPANG TINGGI

Bekas istana lama, dibina pada zaman pemerintahan Yamtuan Ulin (1861-1869), terletak di pusat karyaneka Seremban, Negeri Sembilan.

ISTANA TELE

Dikenal juga dengan nama Istana Tengku Nik, dibina pada tahun 1888 zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (Sultan Terengganu I 1881-1919) dipindahkan dari tapak asal di belakang Istana Maziah ke padang Merdeka, Kuala Terengganu.

ISTANA SATU

Bekas Istana Kesultanan Terengganu, dibina pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, dipindahkan ke Kawasan Muzium Negara, dari tapak asalnya di belakang Istana Maziah, Kuala Terengganu.

KASAU LENTIK

- Hujung kasau pada rumah bumbung panjang di negeri Sembilan, biasanya berukir.

KAKI CHERMIN

- Kaki tiang yang terdapat pada tiang-tiang rumah berusia tua di negeri Kelantan dan Terengganu, pada penjuru dan pergelangan nya sering terhias dengan lorekan kumai dan juga Gelang tiang.

KEPALA TINGKAP

- Dinding dibahagian sebelah atas tingkap biasanya diberi lebuk jejala atau ukiran tebuk terus.

KEPALA PINTU

- Dinding di sebelah atas pintu, juga dinding ini biasanya dipasang lebuk jejala atau ukiran tebuk terus.

KEPALA TANGGA

KEPALA TIANG

- Hujung tiang disebelah atas, mempunyai kuku tiang untuk menguat dan mengejapkan letak kayu alang, biasanya kepala tiang diberi berukir.

KEPALA CIOAK

- Ukiran yang mengambil motif unsur kepala cicak, ukiran ini selalunya dipasang pada penjuru bendul, kaki tebar layar, kaki para buang dan juga dibawah pertemuan tutup atap, ukiran yang terpengaruh dengan seni ukiran dari pulau Sumatera ini banyak terdapat pada rumah-rumah orang Melayu berketurunan dari Sumatera dan Patani. Menurut kepercayaan lama ukiran yang bermotif kepala cicak ini memberi semangat ds sebagai pengawal daripada angkara jahat.

OMBAK-OMBAK

- Ukiran separuh bulat selalunya dipakai pada papan penutup rasuk dan gelegar, Ukiran ombak-ombak juga terdapat pada langit-langit dan perabung.

PUCUK REBUNG

- Ukiran yang sangat popular, boleh dikatakan terdapat
- Ukiran yang sering terdapat pada semua bentuk rumah tradisional melayu di Malaysia dan juga di Nusantara mengambil unsur rebung buluh, ukiran ini juga disebut 'Tumpal', yakni ukiran bentuk segi tiga bersegi, kaki dan bentuk segi tiganya disusun berderet-deret dan kadang kala segi tiga itu di kombinasi dengan unsur-unsur bunga dan putik buah, ukiran pucuk rebung sering dipasang pada papan cucuran atap dan muka tebar layar.

PILIN BERGANDA

- Ukiran yang disusun dari huruf S, bersambung-sambung, berderet - deret, biasanya terdapat pada sarung keris, badek, barang-barang tembaga, alat-alat perhiasan dan lain-lain lagi.

PERAN

- Ambin atau Lantai Alang Buang di bawah kaki tebar layar, ditutup dengan atap digunakan sebagai tempat menyimpan alat-alat kegunaan dalam rumah yang jarang digunakan, di zaman pemerintahan Jepun. Ada juga Peran digunakan sebagai tempat penyembuyian anak-anak gadis dari pandangan askar-askar Jepun yang nakal, biasanya terdapat pada rumah-rumah tradisional Melayu di Perak, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis, Selangor, Pahang. Di Melaka dan Negeri Sembilan terdapat juga lantai Peran yang besar merangkumi seluruh tutup bumbung, biasanya disebut loteng.

PINTU GERBANG

Satu bentuk bangunan yang didirikan di hadapan rumah, biasanya pintu gerbang bersambung dengan pagar, mengandung daun pintu yang dibuka arah ke dalam, mengandung tutup bumbung, terdapat ukiran yang indah di kepala pintu gerbang, hanya rumah-rumah di kalangan orang berada atau istana-istana raja Melayu yang ada pintu gerbang. Pintu gerbang yang berukir indah melambangkan keagungan, kebesaran dan kesopanan, kerukunan dan kemuliaan. Kebanyakan rumah-rumah Melayu berusia tua dari kalangan orang berada dan raja-raja Melayu di Kelantan dan Kedah terhias indah dengan ukiran yang sering mengambil motif bunga tanjung, iaitu sebagai tanda selamat datang, dan kalau seseorang itu masuk tanpa melalui pintu gerbang, tentu orang tersebut adalah bermaksud jahat atau berniat tidak baik.

PAPAN GANTIK

Ukiran memanjang pada papan fascia atau papan tumpu kasau pada rumah bumbung panjang dan juga rumah bumbung bertangguk di Kelantan dan Terengganu. Ukiran ini terdapat juga pada papan fascia di bumbung masjid tradisional (masjid yang mengandung dua atau tiga tingkat bumbung).

PARANG ROSAK

Corak hias yang terdapat pada kain batik.

PERENGGAN TIANG

Pembahagian bangunan rumah tradisional Melayu yang dikira dari paras tanah hingga ke lantai, merangkumi seperti alas tiang, tangga, gelegar, belira, rasuk, lantai, tetupai, tiang, bendul, tiang-tiang dan juga meliputi ruang kolong.

PERENGGAN DINDING

Perenggan bangunan rumah bermula dari lantai hingga ke paras kepala tiang. Perenggan ini berfungsi ganda, di samping berfungsi sebagai konstruksi maka dinding juga berfungsi sebagai dekoratif, yakni dindingnya sering memperlihatkan ciri-ciri ukiran yang menarik sebagai lambang status penghuni rumah, perenggan dinding terdiri dari kayu jenang, dinding, tingkap, pintu dan lain-lain lagi.

PERENGGAN BUMBUNG

Perenggan bumbung merangkumi berbagai-bagai bahan binaan rumah, dikira dari letak kayu alang panjang hingga ke tulang perabungnya. Rumah-rumah berusia tua terdapat pula ambun alang buang atau peran dan loteng di perenggan ini, lain-lain alat rangka rumah perenggan ini ialah seperti kasau jantan, kasau betina, gulung-gulung, larian tikus, tulang perabung, jeria, tunjuk langit, naga-naga, atap bumbung dan lain-lain lagi.

RUMAH BUMBUNG PANJANG Rumah tradisional Melayu yang menggunakan sebuah perabung lurus mendatar, pada sudut tepinya dipasang dinding tegak, dipanggil tebar layar atau tubing layar. Rumah bentuk ini terdapat di seluruh Semenanjung dan dikenal dengan berbagai-bagai nama, seperti Rumah Kutai Perak, Rumah Panjang Kedah/Perlis, Rumah Serambi Melaka dan lain-lain lagi.

RUMAH BUJANG BARAT

Satu bentuk rumah limas di Terengganu.

RUMAH BUJANG

Satu bentuk rumah bumbung panjang yang memakai enam tiang utama pada bangunan rumah ibu, di Kelantan dan Terengganu dikenal sebagai Rumah Bujang Selasar, di Kedah/Perlis dan Perak terdapat juga bentuk rumah bujang.

RUMAH TENGAH

Rumah tradisional Melayu bentuk bumbung panjang yang mengandungi tiga komponen, terdiri rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Komponen rumah tengah terletak di sebelah tengah. Di negeri Terengganu terdapat pula satu bentuk rumah limas yang dipanggil rumah tengah.

RUMAH TIANG DUA BELAS

Satu bentuk rumah tradisional Melayu di Kelantan dan Terengganu, mengandungi dua belas tiang utama pada rumah ibu. Pada muka tebar layarnya terdapat kayu ukiran yang dipanggil pemelah. Rumah tradisional ini sering terhias dengan ukiran-ukiran yang indah pada dinding luar dan dalam.

RUMAH POTONG PERAK

Satu bentuk rumah lias yang mengandungi lima tulang perabung, sama juga seperti rumah perabung lima atau rumah limas bungkus, namun pada pertemuan dua tutup bumbungnya ada terdapat sedikit bukaan atap, berfungsi sebagai pengedaran udara keluar masuk. Biasanya pada bukaan atap berbentuk segitiga itu dihiasi dengan ukiran-ukiran, di Terengganu dan Kelantan rumah potong Perak terkenal kerana ada kayu buton pada puncak bumbungnya.

TUPAI TATAGUN

Tupai ialah sejenis haiwan tatagun berasal dari perkataan atas dahan. Tupai tatagun bermakna tupai atas dahan, satu bentuk ukiran dari Minangkabau, terdapat juga di Negeri Sembilan. Motif berjudul tupai tatagun ini tidak lagi kelihatan bentuk tupai, yang terjeḿa ialah dahan (gagang) dan daun yang terjuntai, seolah-olah seperti tupai di atas dahan, menghilangkan motif makhluk bernyawa ini barangkali berlaku selepas kedatangan pengaruh Islam ke Minangkabau, dan ukiran ini terus berkembang ke Negeri Sembilan, orang Melayu Negeri Sembilan juga berketurunan dari sana.

TUPAI-TUPAI

Kayu berfungsi sebagai pelapik bendul, biasanya berukir. Tupai-tupai biasanya terlekat pada tiang di paras lantai.

TUNJUK LANGIT

Kayu turus yang digunakan sebagai menongkat atau penyokong bumbung pada rumah bumbung panjang, terletak atas alang lintang dan kayu naga. Ada terdapat kayu tunjuk langit yang berukir, terutama rumah tradisional yang berusia tua.

TUMPAL

Lihat pucuk rebung.

SULUR BAYUNG

Nama sejenis ukiran yang terdapat pada hujung tulang perabung, pada hujung alang panjang. Biasanya istana-istana raja Melayu di zaman tradisional, masjid-masjid tradisional di Melaka juga memakai ukiran

sulur bayung di hujung tulang perabung.
Biasanya sulur bayung masjid tradisional di
Melaka memakai bahan simen atau bahan logam,
sulur bayung juga terdapat pada puncak
~~kancah~~ tebar layar bangunan Muzium Negara,
juga terdapat pada bangunan Istana Sultan
Mansur Syah Melaka (1456-1477), dan Istana
Sultan Iskandar Zulkarnain di Pulau Indera
Sakti, Perak (1756-1770). Sulur Bayung ialah
ukiran yang membelit, mengulai, melingkar-
lingkar seperti sulur pucuk batang muda
sejenis tumbuhan yang bernama lembayung.

DONG-S'ON — bukan Dong Song ms/5

Taypa: Tabayun — Tatayun — ms/14

Paga Taygalay — Tinggalay x ms/13

Penggalan Tian = Perayun Tian — ms/31

Piling Bergada — Pili' — ms/28

Piling Bergada^x — Pili' Bergada ms/28/ms/20

ISTANA SERI AKAR

Bekas istana kayu yang dibina pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (Sultan Kelantan 1837-1886). Istana ini didiami oleh Tengku Zainal Abidin yang bergelar Tengku Seri Akar Diraja, iaitu putera Tengku Abdul Kadir, Raja Patani yang akhir. Bekas istana kayu yang indah dan berukir ini telah musnah sama sekali pada tahun 1980.

ISTANA JAHAR

Sebuah bekas istana dibina pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II, Kelantan (1837-1886). Sekarang ini dijadikan bangunan muzium sementara negeri Kelantan, terletak berhampiran dengan Istana Balai Besar, Kota Bharu, Kelantan.

JENANG

Kayu bingkai dinding, tingkap dan pintu, dikenal dengan beberapa nama seperti jenang tingkap, jenang pintu dan lain-lain lagi.

MIMBAR MASJID

Sebuah alat yang terdapat di dalam masjid, biasanya diperbuat daripada kayu serta berukir. Mimbar ialah tempat imam membaca khutbah solat Jumaat dan solat hari raya.

LEPAR

Lepar atau disebut juga lepan, ruang di sebelah hadapan bangunan rumah tradisional Melayu. Ruang ini digunakan untuk para tetamu yang berkunjung ke rumah, biasanya rumah-rumah tradisional di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu ada mempunyai ruang lepar.

LEBUK JEJALA

Dinding rumah yang diberi berlubangan seperti bentuk mata jala, biasanya terdapat di sebelah atas dinding ataupun di sebelah atas kepala tingkap dan pintu. Dinding lebuk jejala sangat berguna untuk pengedaran udara keluar masuk, bagi menghindarkan udara pengap di dalam ruang tertutup. Konsep dinding lebuk jejala ini

JEBAK PUYUH

Sangkar yang dibuat khas untuk menjebak burung puyuh. Biasanya pada daun pintu jebak dihias dengan ukiran daun ketumbit jantan dan daun uju-uju. Menurut kepercayaan ia dapat memberi daya tarikan kepada puyuh-puyuh di luar jebak masuk ke jebak.

GUNUNGAN

Ukiran yang mengambil unsur bentuk meru atau banjaran gunung. Kadang kala disebut juga 'gunung berbuah'. Ada juga gunung mengambil unsur 'tumpal', biasanya ukiran gunung dipakai pada rebung rumah, ukiran-ukiran pada alat perhiasan diri, pelamin, senjata-senjata pendek Melayu dan sebagainya.

GELUNG KEMBAR

Ukiran yang berlingkar lengkung, bergulung, dibatasi oleh bingkai bersegi bujur sangkar, manakala di sebelah dalam bingkai itu pula terdapat sebuah lagi bingkai berbentuk wajik. Jadi ukiran yang mengandungi dua bingkai atap berkembar itu langsung disebut ukiran gelung kembar. Ukiran daripada pengaruh seni ukir jenis ini sering dihias pada daun pintu atau tingkap masjid dan surau berusia tua di sebelah selatan Semenanjung Malaysia.

GELANG TIANG

Ukiran dengan cara lorekan untuk membataskan tiang dengan kaki tiang atau kaki cermin. Ukiran gulung tiang terdapat juga pada bahagian kepala tiang.

PADAR TENGKALINGO

memberi rasa aman dan tenteram kepada penghuni dalam rumah dan menghindarkan bau pengap yang mungkin dapat merugikan kesehatan.

KERAK NASI

Sejenis tumbuhan yang berbungan.

KUDA MENYEPAK

Satu bentuk ukiran yang berasal dari Minangkabau. Ukiran ini menggambarkan haiwan kuda yang sedang menyepak, bentuk kuda sudah disamakan dengan bentuk dahan dan daun, dan tidak lagi benar-benar menyerupai binatang kuda, penukaran motif haiwan ke motif flora.

KUCING LALOK

Lalok adalah bahasa Melayu Minangkabau yang bererti tidur. Kucing lalok bermakna kucing tidur, satu bentuk ukiran yang berasal dari Minangkabau, juga terdapat di Negeri Sembilan. Ukiran ini mengambil unsur binatang kucing yang sedang tidur, sungguhpun ukiran ini mengambil unsur makhluk hidup, namun bentuk kucing telah disamakan dengan menyerupai daun dan sulur tumbuhan. Ukiran ini mengandungi pola yang mengaitkan orang yang malas bekerja, dengan mengharapkan rezeki yang datang bergelak.

PAGAR TENGGALUNG

Dinding serambi yang dipagar dengan bilah kisi-kisi atau ukiran yang bertebuk terus, kira-kira setinggi paras mata waktu duduk bersila di ruang serambi. Pagar bererti batas, dan tenggalung pula dari perkataan tinggali yang iaitu bahasa ^{Melayu} Palembang yang bermakna lihat, jadi pagar tenggalung bererti tanda batas melihat. Di ruang serambi memang ada pagar di sekeliling yang membataskan pandangan, pagar tenggalung juga sering dipasang pada paha tangga, iaitu sebagai adang supaya orang yang lalu atau turun naik dari tangga tidak terjatuh.

BUKU KUMBA

Ukiran di anjung bumbung rumah Adat Bugis. Buku kumba bererti bulu di bonggol dahi gajah, ada juga terdapat rumah-rumah limas Bugis di Johor yang meletakkan ukiran tersebut.

RUMAH LIMAS

Rumah tradisional Melayu yang menggunakan lima buah perabung, terdiri dari sebuah perabung lurus mendatar dan bersambung dengan empat buah perabung yang menurun ke cucuran atap. Perkataan limas berasal dari perkataan lima dan emas, emas adalah logam yang mulia, jadi lima emas memberi maksud tempas pertama keagungan dan kebesaran, emas kedua bermaksud kedamaian, emas ketiga bermaksud adab sopan santun, emas keempat bermaksud ketenteraman dan aman damai, emas kelima bermakna berada dalam kemakmuran dan sejahtera. Rumah limas di kenal juga sebagai rumah di Terengganu ada rumah limas yg di panggil Limas Bungkus, limas potang prah, limas Fesyen Pelade, di Lari-lari Nya' di samping itu ada rumah limas juga yang panggil rumah-nama yang ta

MAHKOTA ATAP

Ragam hias yang terletak di puncak bumbung masjid atau surau tradisional dibuat daripada kayu, simen ataupun tembaga. Ragam hias seperti ini kebanyakannya terdapat di bumbung masjid tradisional Melaka, mahkota atap merupakan simbol keagungan dan ketenangan jiwa daripada sebuah bangunan yang digunakan sebagai tempat beribadat kepada Allah swt.

Beskrivelse.
Centralized 14/3012

Rujukan

Abdul Halim Nasir, "Istana Kayu Raja-raja Melayu,"
Utusan 1982, Utusan Melayu Bhd. Kuala Lumpur.

"Sejak Senibina Rumah Melayu,"

Cipta, Ogos 1982, Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

"Struktur Bangunan Rumah Melayu,"

Cipta, Oktober 1982, Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

"Perkembangan Rumah Melayu dari Masa Ke Masa,"

Cipta, September 1982, Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

"Pengenalan Seni Bina Rumah Tradisional Melayu

Semenanjung Malaysia," Bahagian Pertama,

Dewan Budaya, Julai 1984, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

"Pengenalan Seni Bina Rumah Tradisional Melayu

Semenanjung Malaysia," Bahagian Kedua,

Dewan Budaya, Ogos 1984, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

"Seni Ukiran Kayu Tradisional Melayu di Semenanjung

Malaysia," Bahagian Pertama, .

Dewan Budaya, September 1984, Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.

_____ , "Rumah Serambi Melaka - Melaka Dulu dan Sekarang,"
 Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara,
 Kuala Lumpur, 1982.

_____ , "Masjid-masjid Di Semenanjung Malaysia,"
 Berita Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1984.

_____ "Mosques of Peninsular Malaysia,"
 Berita Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1984.

_____ , "Persamaan Seni Bina Jambi/Riau dengan Seni
 Bina Rumah Tradisional Melayu Melaka, Sejarah
 di Selat Melaka,"
 Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Melaka,
 Jabatan Pelajaran Melaka, 1984.

✳ Abdul Samad Ahmad, Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu),
 Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

Aziz Deraman, Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia,
 Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur,
 1975.

Count Sigil Kuuith, "The Oracle at Tambun, Malay and Thai Cave
 Paintings Compared,"
MIH, Vol. VIII, No. 1 Dec. 1962.

Hijjas bin Kasturi, "Asas Kesenian Peribumi dalam Senibina,"
Dewan Budaya, Mei 1980, Dewan Bahasa dan Pustaka,
 Kuala Lumpur.

Ho Kok Hoo, "Ancient Skills and Tradisional Designs for
 the National Museum,"
FMS, Vol. VII, New Series, 1962.

Matthews. J.M., "Rock Painting Near Ipoh,"
MIH, Vol. V, No. 2, Nov. 1959.

9p017
 Mattulada, "Kebudayaan Bugis, Makassar" - Manusia dan Kebudayaan
 di Indonesia, Jambatan, Jakarta, 1975.

Mubin Sheppard, "⁴Four Historic Timber Buildings,"
FMS, Vol. VII, New Series, 1962.

_____ "Megalith in Malacca and Negeri Sembilan,"
FMS, Vol. VII, New Series, 1962

_____ "Malay Palaces of The Post,"
MIH, Vol. 8, Dec. 1962.

_____ "'Bangau' Decorative Guards for sail and spars
 On Malay Fishing Beats,"
FMS, Vol. VIII, New Series, 1963.

_____, "Tradisional Malay House in Terengganu
and Kelantan,"

JMBRAS, Vol. 42, Part 2, 1969.

_____, "Taman Indera," Oxford Universiti Press,
Kuala Lumpur, 1971.

_____, "Living Crafts of Malaysia,"
Times Books International, Singapore 1978.

Peacock. B.A.V., "Two Dong-Son Drums From Kuala Trengganu,"

NIH, Vol. X, Feb. 1967.

_____, "Gendang di Kampung Sungai Lang,"
Malaysia Dari Segi Sejarah, No. 5, Jun 1969,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Raja Chulan, "Misa Melayu,"

Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966.

Shahrom bin Yub, "Keris dan Senjata Pendek,"

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1967.

Sidi Gazalba, "Pandangan Islam Tentang Kesenian,"

Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1977.

Tenku Sjamsuddin, "Kebudayaan Aceh,"- Manusia dan Kebudayaan

di Indonesia, Jambatan Jakarta, 1975.